

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 14)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2002	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.18	(Halaman 15)
Maksud B.19	(Halaman 28)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2002	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.18	(Halaman 15)
Maksud P.19	(Halaman 28)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(ff)	(Halaman 42)
UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMANGKATAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN HISHAMUDDIN ALAM SHAH ALHAJ	(Halaman 41)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang diPertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

Yang Berhormat	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
”	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
”	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
"	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)

Yang Berhormat	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P. P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

Yang Berhormat	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

Yang Berhormat	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Tai b Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)
	MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamah
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lapangan terbang. Kol (B) Mohamed Nor
bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor Azzahar bin Hashim

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 21 November 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan kertas Bahasa Inggeris Julai seperti Matematik Julai atau Bahasa Melayu Julai yang telah dilaksanakan untuk memperbaiki pencapaian atau meningkatkan kualiti Bahasa Inggeris di kalangan masyarakat awam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang telah dikemukakan, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum berhasrat untuk memperkenalkan kertas Julai Bahasa Inggeris. Untuk makluman, peperiksaan SPM Julai telah digantikan dengan nama baru iaitu peperiksaan SPM Ulangan. Perubahan nama peperiksaan ini adalah kerana peperiksaan berkenaan tidak semestinya diadakan di dalam bulan Julai. Pada masa ini, kementerian hanya menjalankan peperiksaan SPM Ulangan bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Malaysia sahaja.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dengan jawapan yang diberikan tadi nampaknya cita-cita mereka yang baru tamat peperiksaan SPM, yang cemerlang dalam mata pelajaran yang lain tetapi tidak cemerlang dalam pencapaian Bahasa Inggeris tidak dapat mempercepat usaha mereka untuk memperbaiki Bahasa Inggeris bagi melayakkan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti terutama sekali dalam bidang atau jurusan Undang-undang, Mass Communication dan Tourism, dengan izin. Jadi, mereka terpaksa menunggu setahun untuk mengulangi peperiksaan ini.

Soalan saya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, selain daripada masalah kelemahan pelajar-pelajar itu sendiri untuk menguasai Bahasa Inggeris, masalah kekurangan guru-guru terutama sekali di kawasan luar bandar khususnya di sekolah rendah, contohnya di kawasan Sepang yang mana empat orang guru opsyen diperlukan dan kementerian hanya mampu menyediakan tiga orang guru opsyen dan seorang lagi diambil secara tangkap muat sahaja yang terlatih dalam bidang lain. Jadi, akibat daripada ini saya percaya ia juga menimbulkan masalah kelemahan pencapaian Bahasa Inggeris itu sendiri di sekolah-sekolah rendah khususnya. Jadi soalan saya, apakah langkah dan usaha yang diambil kerajaan untuk memastikan masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya rasa ada dua perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Pertama sekali ialah berkenaan dengan sambungan mengenai dengan peperiksaan. Sebenarnya peperiksaan itu yang telah saya sebut itu kita gantikan dengan peperiksaan Ulangan di mana pada tahun ini kita telah adakan pada bulan Jun, iaitu pada 23 Jun kita adakan Matematik dan pada 30 Jun kita adakan Bahasa Malaysia. Jadi, kita awalkan seperti mana yang kata Yang Berhormat tadi untuk membolehkan calon-calon tadi memperbaiki prestasi mereka.

Lagipun bagi mata-mata pelajaran yang lain, buat masa ini kerana kos dan kepakaran kita dalam bidang-bidang tersebut amat kekurangan, jadi kita tidak dapat berbuat demikian. Walau bagaimanapun, dalam sistem pensijilan terbuka mulai tahun 2000, calon boleh memperbaiki prestasi mana-mana mata pelajaran dalam peperiksaan bulan November dan SPM Ulangan dengan syarat-syarat, iaitu mereka sudah lulus mata pelajaran Bahasa Malaysia. Kedua, sekiranya belum lulus mata pelajaran Bahasa

Malaysia, calon mesti mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan mata pelajaran lain yang ingin dibaiki.

Mengenai perkara kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, iaitu masalah guru opsyen. Kita memang menyedari hakikat ini, sebab itu baru-baru ini telah pun kita bangkitkan satu kajian yang mana kita telah diberitahu mengenai langkah-langkah yang akan diambil. Antara lain ialah untuk melatih lebih ramai lagi guru dalam opsyen Bahasa Inggeris yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dan kita percaya dalam masa-masa yang akan datang dapat kita mengatasi masalah tersebut di luar bandar. Di sini ingin saya beritahu sekali lagi, kadangkala masalahnya juga bukan kita tetapi adalah di kalangan kita sendiri di mana galakan dan motivasi harus kita lakukan. Atas kesedaran Yang Berhormat dan saya percaya di sekolah dalam kawasan Sepang, Yang Berhormat begitu prihatin mengenai prestasi pelajar di sekolah-sekolah. Saya ucap terima kasih.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan negara kita bahawa Islam adalah agama rasmi dan kertas Pendidikan Islam adalah wajib di peringkat SPM, bukan pilihan. Soalan tambahan saya, saya ingin mendapat penegasan daripada kementerian, maka dengan kerana itu adakah kerajaan bercadang hendak mengadakan juga kertas Pendidikan Islam Ulangan bagi memberi peluang kepada semua pelajar-pelajar kita yang ingin memperbaiki pencapaian dan prestasi akademik, juga kelulusan mereka. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, sekurang-kurangnya Yang Berhormat mengakui bahawa negara ini adalah negara Islam. Sebab itu kita tidak pernah pun memisahkan pelajaran Islam dengan pentadbiran kita. Dengan yang demikian, kita adalah berkedudukan sebagai sebuah negara Islam.

Saranan seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun tadi, kita akan beri perhatian. Terima kasih.

2. **Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan sejauh manakah kerajaan telah membuat kajian dan mengambil tindakan terhadap cadangan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan orang ramai yang menggesa pihak kerajaan dan Telekom Malaysia agar menghentikan segera perkhidmatan talian 600 yang banyak membawa kesan negatif kepada masyarakat Malaysia terutama sekali generasi muda.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan semuanya perkhidmatan talian 600 membawa kesan negatif. Terdapat perkhidmatan-perkhidmatan talian 600 yang memberi faedah kepada masyarakat seperti talian akademik, talian kesihatan, talian cuaca dan talian derma. Walau bagaimanapun, kementerian mengambil maklum mengenai cadangan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sedang menjalankan satu kajian dasar untuk perkhidmatan 'peruma', teks audio talian 600. Kajian ini akan berpandu kepada undang-undang dan peraturan yang sedia ada serta maklum balas daripada pihak pengguna, pembekal perkhidmatan, penyedia rangkaian, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan forum-forum industri seperti forum kandungan dan forum pengguna.

Sementara itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia memantau secara berterusan perkhidmatan percuma teks audio dengan cara merakamkan serta membuat pemeriksaan secara rambang terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan. Ini adalah untuk memastikan bahawa kandungan perkhidmatan ini mematuhi garis panduan yang sedia ada dan tidak terkeluar dari norma-norma sosial masyarakat.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada pihak kementerian. Memang kita tahu bahawa teguran yang dibuat oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang ini tidak kepada keseluruhan rangkaian talian 600, kita tahu ada yang baik dan ada yang tak baik. Tetapi apabila kita melihat kepada kompelin daripada ibu bapa, umpamanya bil-bil telefon mereka sampai mencecah ke angka hampir RM1,000, apabila disiasat, penggunaannya kepada talian 600 yang lebih merupakan kepada hiburan ataupun

perkara-perkara yang tidak berfaedah kepada anak-anak mereka. Itu yang dimaksudkan. Yang baik kita sokong, tetapi yang tak baiknya bagaimana.

Tetapi dalam hal ini, saya ingin nyatakan bahawa ada pihak-pihak tertentu, pihak syarikat-syarikat swasta tertentu yang mencapai keuntungan ataupun memperoleh kewangan sampai beratus-ratus ribu ringgit satu hari melalui perkhidmatan ini. Walaupun mereka memberi tawaran ataupun hadiah-hadiah yang lumayan tetapi tidak memadai lagi dengan apa keuntungan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat tertentu. Jadi, saya ingin tahu adakah pemantauan yang dibuat oleh pihak Kementerian ini meliputi bukan sahaja program-program yang dilaksanakan ataupun yang diberikan kepada orang ramai, tetapi meliputi juga daripada segi kewangan.

Umpamanya keuntungan yang diperoleh daripada hasil pendapatan dan perbelanjaan semula.. Jadi, kalau semata-mata syarikat-syarikat ini mencari keuntungan atas asas bahawa menggunakan perkhidmatan ini adalah tidak sesuai kerana ini adalah masalah ibu bapa yang kebanyakannya melahirkan rasa tak puas hati kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ada. Begitu banyak di akhbar-akhbar ataupun di media yang menawarkan perkhidmatan melalui talian 600 ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak Kementerian.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan ini memang ada dua cara dan ini adalah di bawah peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia atau Pelesenan 2000, Peraturan 31A di mana adalah syarat di mana *opt-in*, bermakna ini pilihan masuk di mana pelanggan yang ingin menggunakan perkhidmatan ini mesti secara bertulis memberi kebenaran. Jadi, kadang-kadang syarat-syarat yang mungkin tidak dilaksanakan oleh pemberi perkhidmatan dan tindakan telah dan akan diambil.

Tetapi yang mustahak sekali ialah dengan secara *opt-in* ini, ibu bapa pun mesti menjaga anak-anak mereka supaya tidak menyalahgunakan perkhidmatan ini. Jika perlu *opt-in* atau satu *bar*ring boleh diadakan di mana perkhidmatan 600 ini tidak boleh digunakan oleh talian rumah itu.

Syarat yang kedua ialah berkenaan dengan *force relieve* di mana had untuk talian atau perkhidmatan ialah 15 minit satu panggilan. Jadi dengan *force relieve* ini, ia akan menjadi satu kawalan di mana masa yang lebih sekali ialah 15 minit dan dengan syarat-syarat yang dikenakan di bawah lesen yang baru ialah 10 minit. Walau bagaimanapun, kerajaan khususnya 'Komunikasi and Media Commission' telah mengadakan perundingan dan perbincangan dengan Persatuan Audio Tech Malaysia atau MATCH di mana pembekal perkhidmatan akan diberi peringatan dan memastikan bahawa mereka mematuhi syarat-syarat dan jika ada penyalahgunaan atau jika ada penggunaan yang tidak mematuhi syarat, persatuan boleh melaporkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan. Saya nampak perkhidmatan 600 ini lebih banyak keburukan daripada kebaikan, walaupun kata dari segi kesihatan, cuaca, kadang-kadang orang tidak pakai yang itu, dia leceh pakai cuaca itu tidak banyak. Yang banyak ini, mengeluarkan kata-kata yang tidak eloklah. Saya pernah lihat dia kumpul 6 orang, nanti terima mesej. Ha, semua ketawalah, semua perkataan yang tidak elok. Jadi, kalau dibiarkan begini, akhirnya moral anak muda lebih buruk kerana perkara sedikit kita hendakkan untung tetapi kesan amat buruk sekali. Saya nampak ini. Mulanya saya tidak faham juga, rupanya selepas itu dia ketawa keluar ayat ini. Orang ini hantar mesej kepada orang itu, orang ini hantar mesej, dia kumpullah ramai-ramai. Jadi ini patut Kementerian kena ambil kiralah. Saya setuju yang dibuat pihak CAP Pulau Pinang itu kerana saya sudah kaji kesan buruk itu lebih banyak daripada yang baik.

Yang kedua, kadang-kadang kita hendak telefon dia nyanyi dululah, kita tidak dapat, lepas nyanyi-nyanyi, ha ini Siti Nurhaliza "sila sampaikan mesej", padahal bukan saya hendak telefon Siti Nurhaliza, saya hendak telefon orang lain. Ini pun saya ingat tidak kenal, lain yang hendak disoal, lain yang jadi, banyak membebaskan kewangan. Jadi, bolehkah Kementerian ambil tindakan teruslah. Kalau boleh sistem dalam zaman ini dibuangkanlah, tidak tahulah, kalau bolehlah yang mengartu itu maknanya *di block*, tidak dikeluarkan, yang baik sahaja dikeluarkan. Saya setuju

supaya perkara ini diberhentikan terus kerana buruknya lebih banyak daripada kebaikan. Boleh jawab Yang Berhormat?

Tuan Chia Kwang Chye: [*Ketawa*] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya seorang Ahli Parlimen dari Pulau Pinang tetapi saya tidak tahu apa itu CAP Pulau Pinang. Tidak pernah dengar itu CAP Pulau Pinang tetapi yang mustahak sekali Tuan Yang di-Pertua, soalan

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tunku Jaafar: [*Menyampuk*]

Tuan Chia Kwang Chye: Perkhidmatan talian 600 ini adalah satu perkhidmatan seperti internet yang boleh membawa kita mendapat maklumat atau informasi melalui satu teknologi seperti ini dan memang kita sedar bahawa ada kesan yang buruk atau penyalahgunaannya. Jadi adalah tanggungjawab kita semua termasuk Ahli-Ahli Parlimen khasnya ibu bapa-ibu bapa di mana perkhidmatan ini ada faedah yang baik dan memang ada kesan yang buruk. Tetapi yang mustahak sekali, kalau berbanding dengan kedua ini, tanggungjawab kita dan peranan kita dapat bersama-sama mengatasi masalah ini kita dapat membawa satu masyarakat berilmu atau termasuk golongan yang boleh mencapai objektif kerajaan untuk menubuhkan satu negara informasi. Sekian, terima kasih.

3. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan 5 fokus utama mengikut keutamaan kementerian terhadap sektor-sektor pengeluaran yang dijangka memberi pulangan paling besar kepada negara untuk tempoh 10 tahun akan datang. Apakah strategi kementerian untuk memastikan faktor tersebut berkembang dan mampu bersaing dalam dunia global kini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, industri-industri utama yang dijangka akan memainkan peranan penting kepada negara pada tahun-tahun akan datang termasuklah *electrical* dan *electronic*, industri yang berasaskan sumber, petrokimia, perkilangan jentera dan peralatan, bio-teknologi dan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan.

Bagi mempergiatkan pertumbuhan sektor perkilangan dan memastikan supaya industri-industri utama tersebut dapat berkembang dan mampu bersaing dalam dunia global ini, pelan Rancangan Malaysia Kelapan dan Pelan Perspektif Jangka Panjang Ketiga telah menggariskan beberapa strategi dan teras dasar pertumbuhan sektor perkilangan termasuk:-

- (a) memperkukuhkan asas sektor perkilangan dengan membangunkan kelompok industri atau dengan izin, *cluster-based development* yang teguh;
- (b) meningkatkan daya saing melalui peningkatan produktiviti. Tumpuan diberikan kepada peningkatan kemahiran tenaga buruh, sistem organisasi dan pengurusan yang baik, penggunaan teknologi terkini dan kaedah pengeluaran yang terbaik serta pengalihan kepada industri dan proses yang menjurus kepada peningkatan nilai ditambah;
- (c) meningkatkan kecekapan pengurusan kos dalam pengeluaran serta melaksanakan sistem persekitaran berkualiti untuk memastikan produk dan perkhidmatan mencapai piawaian bertaraf antarabangsa;
- (d) meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengeluaran produk dan pemasaran;
- (e) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi peningkatan kemahiran keupayaan inovasi keluaran dan reka bentuk;
- (f) membangunkan inisiatif baru dalam penggalakan eksport; dan

- (g) membangunkan perusahaan kecil dan sederhana yang berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah pun menjelaskan soalan saya tadi. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghadapi dunia sekarang ini dalam keadaan yang berbeza dan pola-pola pemikiran juga berbeza, kita dapati bahawa tekanan daripada keadaan ekonomi meleset di US dan di Jepun telah pun memperlihatkan industri electronic dan juga industri *electrical* terjejas. Tadi, saya mendengar Yang Berhormat masih lagi menyebutkan *electrical* dan *electronic* adalah merupakan sektor-sektor yang penting. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah apa yang berlaku penjejasan ataupun keadaan menurunnya industri ini buat ketika ini adalah merupakan fenomena sementara dan saya amat tertarik kelmarin apabila kita membincangkan soal peluang-peluang baru bagi negara negara Asia, negara-negara Timur Tengah.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah peluang-peluang sektor-sektor yang dapat kita giatkan supaya kita dapat menembusi pasaran Timur Tengah dan juga kita dapat mengadakan hubungan dagangan dengan Timur Tengah, menarik pelabur-pelabur Timur Tengah datang ke Malaysia. Dan apakah usaha-usaha kementerian untuk mempergiatkan usaha-usaha ini supaya peluang ini tidak terlepas begitu sahaja di samping kita masih lagi mengekalkan industri *electrical* dan juga industri *electronic*? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, industri *electronic* dan *electrical* memang merupakan satu sektor yang amat penting. Ia menyumbang sebanyak 56% kepada jumlah eksport barangan perkilangan setiap tahun. Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa sektor ini adalah sektor yang luas, ia merangkumi banyak barangan *sub-sector* seperti daripada *chips*, peralatan rumah dan juga seperti kabel, *switch gear* dan sebagainya. Jadi, kita akan terus mengambil strategi seperti yang saya sebutkan tadi iaitu membangunkan *cluster-based industry* untuk memastikan industri ini akan mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi. Kita tidak akan mengurangkan sumbangan sektor ini tetapi kita akan pada masa yang sama mempergiatkan pembangunan lain-lain *sub-sector*.

Mengenai dengan pembangunan perdagangan di Timur Tengah ini, semalam saya ada jawab dengan panjang lebar, bagaimanapun, usaha yang dijalankan kini ialah kita telah menubuhkan pusat pameran barangan Malaysia di Dubai dan juga sedang membina pusat pameran di Bahrain. Pasaran di kawasan itu memang merupakan kawasan yang amat penting dan memandangkan kita mempunyai hubungan yang baik, maka kita anggap pasaran itu memang berpotensi dan sektor-sektor yang kita akan mempergiatkan usaha perdagangan dan eksport kita di situ termasuk sektor seperti perabot, *electronic* dan *electrical*, makanan halal dan juga fabrikasi (*metal fabrication*) iaitu dalam bidang pembinaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam dunia global, antara faktor terpenting adalah kita mempunyai satu sistem *feedback* yang efektif. Saya dapati bahawa negara kita agak lemah dalam membentuk ekonomi *intelligence* yang memberi *signal* cepat tentang perubahan-perubahan dalam *trend* global. Apakah langkah yang kita lakukan untuk memastikan sistem *feedback* yang baik supaya penyesuaian dapat dibuat oleh kerajaan dan juga pihak swasta dengan segera? Di samping itu, kemasukan China baru-baru ini kepada WTO tidak boleh kita lihat sebagai satu yang ringan kerana ia membawa kepada satu ancaman atau *threat* kepada ASEAN termasuk Malaysia terutama dari segi kekuatan eksport kita. Apakah langkah yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta dalam menangani masalah tersebut?

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan tahun depan untuk MITI, kita akan menjalankan satu projek yang dinamakan Projek MATRIX di mana projek ini antara tujuannya ialah meningkatkan berbagai sistem data yang dikumpul oleh semua agensi MITI supaya kita akan dapat maklumat terkini seperti data-data eksport dan juga pembangunan terkini di pasaran antarabangsa. Ini telah pun dimasukkan dalam peruntukan untuk tahun depan dan ia akan mengambil masa dua tahun untuk menyempurnakan projek ini. Dan untuk kemasukan China dalam

WTO, memang adalah sesuatu hakikat yang tidak boleh kita nafikan bahawa dengan kemasukan China dalam WTO akan membawa banyak cabaran tetapi pada masa yang sama ia juga memberi peluang kepada kemasukan barangan Malaysia ke pasaran China.

Apa yang penting ialah kita perlu mengadakan sikap yang positif dan mengambil langkah serta inisiatif lebih awal untuk membuka pasaran barangan Malaysia di China. Dan ini boleh dilakukan melalui usaha sama dengan syarikat-syarikat di China dan juga dengan syarikat-syarikat antarabangsa sama-sama mungkin menempatkan industri-industri yang banyak bergantung kepada tenaga buruh ke China. Dan dengan cara ini kita ada sinergi dalam pengeluaran barangan Malaysia dan boleh dapat manfaat daripada kemasukan China dalam WTO. Sekian.

4. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah syarat-syarat kerajaan terhadap pemaju perumahan sebelum memberi lesen pembangunan kepada mereka; dan
- (b) apakah bantuan kerajaan kepada pembeli rumah yang membeli rumah daripada projek perumahan yang terbengkalai, khususnya projek yang diambil alih oleh Danaharta.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian

- (a) Sebelum sesuatu lesen perumahan dapat diluluskan, pemaju berkenaan perlu mengemukakan permohonan ke Bahagian Lesen dan Khidmat Nasihat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan memenuhi syarat seperti berikut:-
 - (i) membayar modal berbayar dalam bentuk tunai tidak kurang dari RM250,000.
 - (ii) tanah telah dipecah bahagi;
 - (iii) mengemukakan penyata aliran tunai projek dan jadual kerja;
 - (iv) mengemukakan Memorandum dan Artikel Persatuan atau Sijil Pendaftaran Syarikat;
 - (v) mengemukakan akaun berkanun;
 - (vi) mengemukakan laporan beraudit atau kunci kira-kira atau akaun pengurusan bagi syarikat baru;
 - (vii) Mengemukakan perjanjian usahasama di antara pemaju dan tuan tanah jika hak milik tanah bukan nama pemaju dengan satu perenggan menyebut, tuan tanah dan pemaju bersetuju mematuhi peraturan 5(5)(a) Peraturan 10 dan 11, Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1989. Atau Borang 14(a) Kanun Tanah Negara yang telah dibayar cukai taksiran sebagai bukti pindaan milik sedang dibuat.
 - (viii) Kelulusan dari Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) sekiranya pelaburan asing melebihi 15% sesuatu pihak asing atau melebihi 30% bagi beberapa pihak asing.

- (b) Bantuan kerajaan kepada pembeli-pembeli yang projeknya terbengkalai adalah seperti berikut:
- (i) Menggunakan Seksyen 11 iaitu Arahan Di bawah Kuasa Menteri bagi maksud melindungi kepentingan pembeli.
 - (ii) Rancangan pemulihan projek-projek terbengkalai melalui Syarikat Perumahan Negara.
 - (iii) Bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi usaha-usaha pemulihan projek.
 - (iv) Bekerjasama dengan jawatankuasa pembeli bagi memulihkan semula projek tersebut dan
 - (v) Bertindak sebagai pihak perantara antara pihak-pihak yang membolehkan sesuatu projek itu, sebagai contoh - Pegawai Pemegang Harta dan Liquidator dengan para pembeli.

Sekian, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah perlindungan ataupun protection yang diperolehi oleh pembeli rumah semasa mereka membeli rumah dari Danaharta dan apakah kriteria Danaharta terhadap pemilihan pemaju ataupun kontraktor mengambil alih projek terbengkalai dan adakah Kementerian Perumahan dapat membuat keputusan dari segi pemilihan kontraktor dan juga pemaju baru dalam projek yang diambil alih oleh Danaharta? Sebab saya tanya soalan ini adalah saya ambil contoh, macam City Homes Condominium di Sri Hartamas yang mana projek itu bermula pada tahun 1985 dan lepas itu pemaju gulung tikar. Lepas itu Danaharta ambil alih. Lepas itu Syarikat Mawar Kiara yang dilantik oleh Bank Negara mengambil projek itu. Lepas itu Mawar Kiara pula menghadapi masalah kewangan sehingga Danaharta terpaksa mengambil alih projek itu semula.

Jadi soalan saya sekarang adalah apakah yang kita tahu Danaharta ditubuhkan untuk bukan untuk menyelamatkan NPL syarikat-syarikat besar. Adakah Danaharta memastikan bangunan yang terbengkalai itu siap dibina sehingga mendapat CF dan hak milik strata. Dan juga bolehkah pembeli rumah menuntut LAD daripada projek perumahan terbengkalai tersebut.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan ditubuhkan Danaharta ialah untuk menguruskan masalah NPL yang dihadapi oleh institusi kewangan di negara kita. Oleh sebab itu maka peranan Danaharta ialah mengambil alih sekuriti-sekuriti yang dicagarkan oleh pihak pemaju dan pinjaman itu menjadikan NPL. Sebab itu peranan Danaharta ialah menggantikan pihak institusi kewangan dan tujuannya ialah supaya institusi kewangan dibebaskan dari pinjaman ini yang menjadikan NPL.

Pihak Danaharta tidak menjadikan satu badan yang akan menyelamatkan mana-mana projek yang disebut sebagai projek terbengkalai kerana itu bukan tujuannya. Mengenai pemulihan projek yang terbengkalai yang diambil alih oleh Danaharta, pihak pembeli sebagai satu *stake-holder* perlulah berbincang dengan pihak Danaharta dan juga lain-lain pihak seperti pihak pemaju sendiri. Kalaulah pemaju itu sudah menggulung tikar maka kenalah berunding dengan pihak 'Liquidator' atau 'official assignee' dan semua ini adalah usaha-usaha serentak atau usaha-usaha kerjasama antara semua pihak itu untuk cuba memulihkan projek terbengkalai. Walau bagaimanapun, kalaulah semua rundingan itu tidak berjaya, maka Danaharta tidak ada pilihan yang lain selain daripada menggunakan kuasanya untuk jual atau 'force sale' dengan izin sekuritinya yang diambil alih daripada institusi kewangan dan cubalah mendapatkan apanya pulang balik daripada jualan tersebut. Danaharta tidak mengambil kira pembeli-pembeli yang berkenaan sebab pembeli-pembeli itu adalah dengan izin '*unsecured creditors*'. Oleh sebab itu mereka kenalah tunggu cara penyelesaian yang diuruskan official assignee.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Kita mengucapkan syabaslah kepada kerajaan usaha

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: Yang baik pun tak mahu hendak terima. Apa ini. Ini usaha kerajaan. Ini saya hendak tanya ini usaha kerajaan untuk memulih projek-projek yang terbengkalai untuk membela rakyat negara kita. Ini usaha baik kerajaan. Sebelah sana, cari masalah sahaja.

Saya hendak bertanya, dalam usaha hendak memulihkan untuk memastikan bukan sahaja memulih yang menghadapi masalah tetapi untuk masa akan datang, baru-baru ini kerajaan mengenakan satu kadar bayaran yang baru untuk memberi lesen perumahan pemaju perumahan. Ini kita alu-alukan supaya tidak ada lagi pemaju-pemaju yang tidak mampu untuk membangunkan rumah-rumah sehingga terbengkalai kembali.

Tetapi kita tahu juga masalah terbengkalai ini bukan sahaja masalah pemaju tetapi masalah pasaran. Saya hendak bertanya kepada Datuk Timbalan Menteri, bila naikkan kadar bayaran untuk lesen pemaju, saya difahamkan setengah juta yang kecil-kecil sudah tidak mampu lagi untuk menerokai bidang ini.

Ini yang di kampung luar bandar ini, yang membangun 10 ekar, 15 ekar. Di luar bandar membangun 10 ekar, 15 ekar kalau kita minta mereka membayar kadar yang sama seperti yang besar membangun 500 ekar, 1,000 ekar yang seperti dibela oleh yang besar-besar tadi. Yang kecil dia tidak, yang besar sahaja dia bela.

Saya hendak minta Datuk Timbalan Menteri, adakah kerajaan adakan budi bicara Menteri supaya yang kecil-kecil, usahawan kecil ini dikurangkan lesen pemaju mereka supaya bidang pembangunan Hartanah ini dibuka seluas-luasnya kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya minta sedikit pandangan Timbalan Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin itu adalah perkara-perkara yang baru diluluskan bagi pindaan Akta Pemaju Perumahan dan oleh sebab itu buat masa sekarang kita masih dalam peringkat cuba mengadakan satu kaedah di bawah kuasa Menteri dalam akta yang memang ada dalam akta itu untuk membolehkan syarikat-syarikat yang kecil itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin supaya beban untuk membayar *paid-up capital* dengan deposit itu tidak terlalu berat untuk mereka dan buat masa sekarang kita masih belum mendapat satu keputusannya lagi sebab akta baru itu pun belum diluluskan sepenuhnya oleh Dewan yang mulia ini.

Apabila proses undangan itu sudah disiapkan dan undang-undang itu diguna pakai nanti kita akan mengumumkan satu kaedah baru bagi syarikat-syarikat kecil yang disebutkan.

5. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah makmal komputer yang telah diluluskan mengikut negeri sehingga bulan Jun 2001; dan
- (b) berapa buah sekolah menengah, sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Cina) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil) yang telah menikmati serta jumlah peruntukannya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bilangan makmal komputer yang diluluskan sehingga Julai 2001 mengikut negeri termasuk yang dalam pembinaan dan dalam perancangan adalah seperti berikut:

Negeri	Bil. Makmal
Perlis	68

Kedah	-	314
Pulau Pinang	-	124
Perak	-	228
Selangor	-	240
Wilayah Persekutuan	-	35
Negeri Sembilan	-	170
Melaka	-	62
Johor		274
Pahang	-	303
Terengganu		100
Kelantan	-	100
Sarawak	-	200
Sabah		200
Jumlah	-	2,418

- (b) bagi bilangan makmal komputer sehingga Julai 2001 mengikut jenis sekolah termasuk yang sedang dalam pembinaan dan dalam perancangan pula adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Bil. Makmal
Sekolah Menengah	- 877
Sekolah Kebangsaan	-1,483
Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	- 41
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	- 17
Jumlah	- 2,418

Jumlah peruntukan ialah sebanyak RM690.73 juta.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebih 2,000 makmal komputer sedang dijalankan untuk pembinaan, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apa sebab-sebab sesetengah projek ini terbelang? Dan apa tindakan akan diambil untuk memulihkan pembinaan semula supaya menikmati kepada murid-murid yang berkenaan?

Dato' Hon Choon Kim: Projek pembinaan makmal komputer ini kita mengalami masalah kelewatan kerana banyak masalah telah timbul antaranya sebab makmal komputer ini terlibat dua bidang. Satu bidang ialah pembinaan makmal komputer dan bidang yang kedua membekalkan komputer.

Jadi, antara syarikat yang kita pilih merupakan syarikat yang pakar dalam bidang pembekalan komputer, tetapi dalam bidang pembinaan mereka terpaksa untuk melantik syarikat atau syarikat kongsi untuk melaksanakan pembinaan komputer, oleh kerana itulah projek itu terlewat.

Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pendidikan supaya memastikan walaupun lewat tetapi tidak menjejaskan pembelajaran murid dalam bidang komputer ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah mengarahkan syarikat-syarikat yang telah dilantik supaya memantau projek mereka

dan mengadakan mesyuarat yang lebih kerap kali dengan syarikat-syarikat yang di bawah jagaan mereka dan juga kerajaan telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat yang telah bertanggungjawab ini hendaklah memberikan sepuluh buah komputer dahulu kepada sekolah-sekolah yang telah dipilih. Dan dengan ini kita harap pembelajaran komputer tidak terjejas sangat. Sekian, terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Mengenai masalah kelewatan makmal-makmal komputer yang baru-baru ini dihebohkan oleh Yang Berhormat Senator Timbalan Menteri, saya ingin tahu mengapa kementerian memilih untuk menawarkan kontrak ini kepada syarikat yang pakarnya dalam komputer dan bukan dalam pembinaan. Jadi, adakah kementerian akan dalam masa yang akan datang mengkaji semula cara menawarkan tender iaitu memecahkan kontrak ini kepada bahagian-bahagian yang tertentu, seperti pembinaan diberikan kepada kontrak syarikat pembinaan dan bahagian komputer dan perisian kepada syarikat-syarikat komputer yang berkenaan dan apakah kementerian tidak akan memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri di mana makmal-makmal ini dibinakan, sebab memandangkan kegawatan ekonomi, ramai kontraktor dalam negeri-negeri tertentu telah menimbulkan perasaan tidak puas hati bahawa projek-projek Persekutuan selalunya tidak diberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor dalam negeri di mana projek dilaksanakan.

Jadi saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah hasrat ataupun sama ada kementerian akan membuat kajian di mana kelemahan-kelemahan ini dapat diatasi. Sekian.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong, sebenarnya sebelum Yang Berhormat mencadangkan langkah-langkah tadi, sebenarnya pihak kerajaan telah pun memutuskan bahawa pada fasa yang kedua ini, pembinaan makmal komputer akan dipisahkan dalam dua bahagian iaitu kita akan melaksanakan pembinaan makmal komputer, oleh kerana itu, kita pada fasa yang kedua ini sebanyak 2,000 buah makmal komputer telah dirancangan, kontraktor-kontraktor akan dipilih hanya untuk membinakan makmal komputer dan setiap kontraktor hanya akan diberikan kepada satu projek sahaja untuk kontraktor Kelas E dan F sahaja. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Mohd. Amar bin Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kos bagi kempen anti merokok bagi tempoh 1996 hingga 2001, dan setakat manakah kejayaan kempen tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, isu merokok di kalangan masyarakat adalah masalah yang bukan sahaja memerlukan kesedaran para perokok tetapi juga menuntut perubahan sikap dan amalan cara hidup individu dan masyarakat amnya. Dengan demikian, bagi menangani isu rumit ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah yang melibatkan pelbagai kaedah pendekatan. Antara pendekatan paling penting adalah promosi atau pendidikan kesihatan, penguatkuasaan undang-undang dan penyediaan khidmat berhenti merokok bagi golongan perokok yang ingin meninggalkan tabiat itu.

Sejak tahun 1999, apabila kerajaan meluluskan peruntukan Dasar Baru bagi Program Kawalan Tembakau, sejumlah lebih RM2 juta telah dibelanjakan khusus untuk aktiviti berkaitan anti merokok di seluruh negara. Aktiviti ini melibatkan kempen tahunan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia pada 31 Mei di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah yang mana antara usahanya adalah pameran, ceramah, forum awam, pengumuman melalui media dan sebagainya.

Selain itu, peruntukan ini juga diguna untuk melengkapkan kemudahan Kementerian Kesihatan yang menyediakan khidmat Klinik Berhenti Merokok serta menghasilkan bahan-bahan pendidikan kesihatan serta penampung keperluan bagi operasi penguatkuasaan undang-undang anti merokok.

Sebelum tahun 1999, aktiviti yang sama dilaksanakan sebagai sebahagian program menyeluruh bagi urusan kawalan penyakit tidak berjangkit. Sebagai contoh, pada tahun 1990 apabila kementerian memulakan kempen Promosi Gaya Hidup Sihat, bertemakan 'Cintai Jantung Anda' bahaya merokok diberi keutamaan, dan seterusnya

dalam tema-tema yang menyusul selepas itu, isu penggunaan tembakau turut diberi perhatian dalam mesej-mesej kesihatan yang disebar.

Usaha mengintegrasikan aktiviti anti merokok ke dalam semua program kesihatan yang lain masih dan akan kekal diteruskan. Aktiviti penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 di bawah Akta Makanan 1983 telah juga menolong meningkatkan kesedaran orang ramai tentang bahaya merokok kepada diri, keluarga dan persekitaran.

Pada keseluruhannya, Kementerian Kesihatan berpuas hati dengan apa yang telah dijalankan setakat ini, tetapi masih berharap dan akan terus berusaha untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti program anti merokok bagi semua bidang pendekatannya. Impak kempen yang dinilai dari perubahan tahap pengetahuan umum tentang bahaya merokok belum memadai sehinggalah pengetahuan itu diterjemah kepada perbuatan tidak merokok oleh majoriti perokok tempatan. Kesan perubahan gaya hidup yang akhirnya menghasilkan penurunan dalam kejadian penyakit akibat rokok, akan mengambil masa yang lebih lama untuk dilihat bagi mana-mana masyarakat.

Sehubungan itu, walaupun peruntukan wang sejumlah lebih RM2 juta boleh dianggap besar, namun ini tidak dapat menandingi peruntukan yang disediakan untuk promosi rokok oleh syarikat-syarikat gergasi yang lebih mampu menarik perhatian umum berbanding mesej-mesej kesihatan yang disampaikan secara seiring.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah yang dimaksudkan sebagai puas hati oleh Kementerian Kesihatan .

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Mesti tak faham kerana di dalam bilik kita itu Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Parlimen tidak ada satu bilik khas untuk yang hendak merokok, sebab itulah kita pun terkena dengan – kadangkala hendak bernafas pun susah, dan ada Ahli-ahli di sini yang masih merokok, itulah masalah kita. Bolehkah kementerian mengadakan satu kempen untuk Ahli-ahli Parlimen khususnya *[Ketawa]* dan pada peringkat yang pertama bolehkah kementerian mencadangkan kita ada satu bilik kecil bagi mereka, dimasuk ke bilik untuk menghisap, *[Ketawa]* kalau tidak asap kena semua orang, Tuan Yang di-Pertua pun kena asap dan Setiausaha Parlimen pun kena asap dan Ahli-ahli yang tidak menghisap pun kena asap. *[Ketawa]*

Ketua Pembangkang pun tidak hisap juga, dan inilah masalah kita, apakah tindakan kementerian untuk perkara-perkara yang disebutkan tadi dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa iklan, walaupun dia tidak pasang rokok di situ, iklan di dalam TV, di dalam media-media massa yang lain cukup banyak, cukup menarik, ha, dengan aksi-aksi yang sangatlah dahsyat di dalam iklan itu, kalau iklan itu masih berjalan, macam mana kita boleh ada anti merokok, kempen tidak akan berjaya.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua, bagaimana di dalam Dewan dan di luar Dewan kita boleh puas hati. Sekian, terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan tadi ialah berkaitan dengan puas hati itu memang kita lihat daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan itu memberi kesan yang baik. Dari segi mewujudkan kesedaran itu memang kita berjaya mewujudkan kesedaran yang di kalangan masyarakat.

Jadi, itu adalah satu kejayaan. Tetapi apa yang saya juga telah katakan tadi, walaupun kita ada peruntukan sebanyak RM2 juta di bawah dasar baru, memang tidak cukup kerana ada pertandingan dan saingan yang hebat dengan pihak media ataupun syarikat-syarikat rokok yang membelanjakan wang yang begitu banyak. Jadi, dengan adanya pindaan kepada Akta Makanan baru-baru ini di mana Menteri Kesihatan diberi kuasa mutlak untuk menentukan peraturan-peraturan, kita sedang menimbang cara-cara untuk menangani masalah ini supaya kita dapat juga mengawal pengiklanan oleh syarikat-syarikat perokok. Kalau kita lihat pada masa sekarang ada banyak pengiklanan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat perokok dari segi mengiklan jenama dan ini juga sebenarnya memberi kesan yang baik kepada syarikat rokok tetapi tidak memberi kesan yang baik kepada masyarakat.

Lagi satu tadi ada juga saranan tentang kempen untuk Ahli-ahli Parlimen supaya tidak merokok, saya percaya kalau semua Ahli Parlimen, mungkin pada peringkat Jaw atankuasa nanti berhubung dengan Kementerian Kesihatan, kalau ada syor, kita boleh juga menimbang perkara itu, memang saya pun beberapa kali telah meninjau kerana di sekitar, di seluruh Dewan pun kita ada juga ramai yang merokok, mungkin kalau ada syor ataupun sambutan yang baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita juga boleh menimbang cadangan Ahli Yang Berhormat tadi itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dia hisap menghisap ini tabiat, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menghisap rokok ini tabiat, memang payah hendak dibuanglah. Walaupun dikatakan menghisap rokok ini akan membahayakan kesihatan, tetapi kadang-kadang pun doktor pun ada hisap, ini yang jadi kadang-kadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, jangan kempen Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya berikan sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua, dikatakan bahawa di kawasan perindustrian yang udaranya tercemar, ia 20 kali ganda lebih merbahaya daripada menghisap rokok, kerana kalau kita berada di kawasan perindustrian, saya ambil contoh, Pasir Gudang di Johor, di negeri saya. Kita berada di kawasan ini, di tempat yang pencemaran selama setengah jam, bersamaan dengan kita seolah-olah menghisap rokok 20 batang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, jangan kempen Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak tanya, jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Apa pertanyaannya itu, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pertanyaannya

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi peluang saya bertanyalah, saya hendak

Apa fasal Seputeh banyak marah kepada saya? *[Ketawa]* Berilah saya peluang, awak tidak hisap rokok ya, yang hisap ini saya. *[Ketawa]* Jadi, awak bukan hisap, saya yang hisap, jadi dia marah pula kepada saya.

Seorang Ahli: Hisap lain.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak tahulah, saya juruskan kepada menghisap rokok, bukan kepada yang lain-lain, saya tidak tahu. *[Ketawa]* Saya sebenarnya tak pandai menghisap yang lain, saya pandai hisap rokok sahaja.

Jadi, bagaimana pula tentang merbahayanya seseorang dalam kawasan perindustrian yang tercemar supaya janganlah dilihat hanya orang merokok sahaja yang membawa kepada merosakkan kesihatan, jadi saya juga ingin kesedaran pihak Kementerian Kesihatan supaya mengambil kira juga masalah kesihatan yang lebih luas di kawasan-kawasan perindustrian.

Saya memang menyokonglah langkah-langkah Kementerian Kesihatan bagi menentukan kesihatan rakyat, tetapi apa pandangan Kementerian Kesihatan tentang pencemaran udara yang lebih merbahaya 20 kali ganda daripada orang yang menghisap rokok. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kenyataan pertama tentang fakta tentang doktor banyak merokok itu memang tidaklah betul. Kalau kita perhatikan sebenarnya prevalence di kalangan doktor merokok itu adalah terlalu rendah, terlalu rendah

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya juga tidak cakap banyak tadi, saya kata ada juga di kalangan doktor.

Tuan S. G. Sothinatahan: Ya, terlalu rendah, saya rasa daripada kalangan profesion, saya ingat doktor ialah yang paling kurang merokok kerana mereka sedar. Seperti Yang Berhormat kata tadi, mungkin ada satu, dua kerana tabiat mereka, mereka susah hendak tinggalkan tabiat tersebut.

Tetapi berkaitan dengan kualiti udara di kawasan perindustrian, saya percaya kementerian terbabit sentiasa memantau tentang keadaan di kawasan-kawasan yang kualiti udara di kawasan perindustrian tersebut, tetapi namun demikian kalaulah seperti yang disarankan dan dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau kualiti udara di sesuatu kawasan perindustrian, bermakna ianya lebih 20 kali ganda, ini adalah satu perkara yang baru saya dapat tahu daripada Yang Amat Berhormat, mungkin kalau boleh saya mendapat maklumat yang lanjut, kita juga boleh bekerjasama dengan kementerian lain untuk mengenal pasti masalah ini dan cuba mengatasinya.

7. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana dan apakah langkah-langkah kementerian untuk menangani masalah banyak balai polis berada di dalam keadaan usang dan teruk sama ada dari segi keadaan bangunan ataupun keadaan perabot dan peralatan yang lain di mana ianya boleh menjejaskan semangat anggota-anggota polis untuk berkhidmat kepada negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Kerajaan sememangnya amat prihatin dengan keadaan balai-balai polis yang usang dan teruk. Oleh itu beberapa langkah telah pun diambil seperti berikut.

Yang pertama, bagi tahun 2001 sebanyak RM30 juta telah pun diperuntukkan kepada Polis Diraja Malaysia di bawah butiran 01300 untuk kerja-kerja pembaikan dan ubahsuai bangunan-bangunan polis. Peruntukan ini telah pun habis diagihkan kepada kontinjen dan farmasi untuk kerja-kerja pembaikan dan ubahsuai. Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Polis Diraja Malaysia pun diuntukkan sejumlah RM25 juta khas bagi kerja-kerja pembaikan kecil-kecil dan ini semua untuk balai-balai polis di seluruh negara. Peruntukan itu juga telah pun habis diagihkan kepada negeri dan juga kontinjen -kontinjen.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan September tahun ini juga kerajaan telah sekali lagi meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM36 juta untuk kerja mengecat dan pembaikan kecil bagi bangunan polis dan peruntukan ini dijangka akan habis dibelanjakan pada tahun ini juga.

Untuk mengatasi masalah peralatan dan perabot polis yang usang dan rosak maka sejumlah RM50 juta telah pun diluluskan bagi pembelian peralatan dan perabot termasuklah kerusi meja dan lain-lain.

Di samping kerja-kerja pembaikan bangunan polis dan pembelian perabot dan peralatan, pembinaan bangunan baru pondok-pondok polis, balai-balai dan juga ibu pejabat polis daerah serta ibu pejabat polis kontinjen akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Di mana sebanyak RM1.2 billion telah pun diuntukkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan Polis Diraja Malaysia. Sekian.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatan bilangan pegawai polis terdapat balai polis yang tidak mempunyai ruang yang mencukupi seperti bilik pegawai, bilik siasatan, ruang lock-up dan sebagainya. Pada pandangan saya balai polis juga perlu dilengkapi dengan bilangan komputer yang mencukupi untuk perkhidmatan cekap, cepat dan tepat. Juga terdapat landrover dan pemandunya lebih muda dari landrover itu. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk memohon belanjawan yang lebih besar lagi untuk menangani semua masalah ini? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang sedar akan keadaan yang dihadapi oleh Polis Diraja Malaysia dan selepas satu kajian menyeluruh telah diadakan sebelum Rancangan Malaysia Kelapan ini dibentangkan di Parlimen maka segala permintaan dan benda-benda yang harus diperbaiki supaya semua anggota polis yang berjumlah 85,000 termasuk *rank and file* dengan izin, akan dipertingkatkan lagi dan oleh yang demikian mengikut jangkaan pihak kerajaan maka

RM1.2 billion yang dikatakan tadi telah pun diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan seluruh negara. Jika tidak cukup maka tambahan akan diperuntukkan lagi. Sekian.

Puan Fong Po Kuan: Ya, terima kasih Yang di-Pertua. Soalan tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nilai yang diperuntukkan untuk memperbaiki masalah yang dihadapi di balai-balai polis nampaknya amat besar. Tapi apa yang saya nampak pada masa kini ialah pengagihan peruntukannya tidak nampak diserata. Seperti balai-balai polis kalau kita banding di bandar seperti Kuala Lumpur dengan kawasan saya pusing ya mesin taipnya tiada penutup, penghawa dinginnya rosak. Kadang-kadang saya pergi balai polis, mereka minta saya derma pulak. Derma penghawa dingin. Bukan satu balai kawasan saya, ada banyak balai mereka meminta perkara yang sama. Saya pergi balai di Tapah juga perkara yang sama.

Jadi saya ingin mohon agar Kementerian mengagihkan peruntukannya dengan serata agar semua rakyat dan tak kira kawasan dapat satu layanan yang baik dan agar untuk mengelakkan balai polis minta derma dari orang ramai. Saya risau nanti ada satu pertukaran '*favour*'. Kalau saya bagi derma lain kali tau-taulah jaga saya, saya risau. Risau perkara ini akan wujud dan saya percaya memang wujud. Kalau kita tengok balai banyak kerusi cantik-cantik tu memang akan wujud Tuan Yang di-Pertua. Saya risau perkaraitu. Untuk elakkan rasuah. Kalau kita lihat laporan Suruhanjaya Pasukan Polis semua pangkat pegawai polis pun ada masalah tindakan diambil kerana rasuah. Jadi haraplah pengagihan peruntukan yang serata. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua itu bukan satu soalan, itu satu komen dan kita semua di Kementerian Dalam Negeri menerima baik. Tapi tak salah juga kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen kalau nak memberi sumbanganlah, bukan dari segi pertukaran syarat, tidak, sebab Yang Berhormat sebagai seorang wanita Ahli Parlimen yang begitu comel, muda, [*Ketawa*] haruslah juga mempunyai apa – pihak-pihak polis menjaga kebajikan dan keselamatan. Sekian, terima kasih. [*ketawa*]

8. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis] minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan keluasan izab Taman Negara di seluruh negara dan menyatakan apakah kawalan sedia ada mencukupi untuk menyelamatkan khazanah berbentuk kayu balak, haiwan, galian dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat suka saya memaklumkan bahawa jumlah keluasan kawasan Taman Negara yang sedia ada di seluruh negara ialah di Semenanjung Malaysia seluas 431,457 hektar, di Sabah 265,819 hektar dan di Sarawak 118,910 hektar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Taman Negara di semenanjung sahaja terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Manakala taman-taman yang lain ditadbir oleh kerajaan-kerajaan negeri berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya buat masa ini kawalan terhadap kawasan-kawasan tersebut masih belum mencukupi. Tetapi usaha-usaha terus di pertingkatkan untuk menambah bilangan kakitangan kumpulan pengurusan dan penguatkuasaan di taman negara serta mendapatkan kerjasama penduduk tempatan dengan melibatkan mereka dalam program-program kesedaran awam yang dijalankan. Untuk makluman seterusnya bahawa aktiviti pembalakan, perlombongan, pemburuan adalah dilarang di kawasan taman negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN
(PINDAAN) 2001**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Islam 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDA NG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Keempat]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.18 [Jadual] -

Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan 2002] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka semula untuk dibahas.

Sebelum saya memanggil Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung ucapan, saya hendak memberitahu Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu semalam saya mendengar sungutan-sungutan kerana kami di sini, di Kerusi ini menghadkan ahli berucap. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, amalan ini dibuat pada tiap-tiap kali kita membahaskan anggaran perbelanjaan dan kita tidak boleh ada masa untuk membenarkan kesemua ahli berucap. Tidak ada suatu Parlimen dalam dunia ini yang membenarkan, yang membolehkan kesemua ahli-ahlinya berucap dalam mana-mana satu urusan mesyuarat. Kuasa menghadkan masa untuk ahli berucap di bawah Peraturan Mesyuarat adalah kepada Speaker. Kami hanya menjalankan tugas untuk menghabiskan kerja-kerja yang di dalam Aturan Urusan Mesyuarat seperti yang

ditetapkan. Oleh yang demikian saya mintalah Ahli-Ahli Yang Berhormat bekerjasama dengan kami dan janganlah marah kepada kami. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Diberi peluang untuk memberi pandangan sayalah tentang menghadkan masa ini. Walaupun ini adalah hak, memang hak Pengerusi, tapi saya juga memohon supaya lebih ramai diberi peluang untuk berucap kerana dan saya juga pohon supaya hari untuk perbahasan ini dipinda di dalam peraturan kerana jumlah belanjawan telah bertambah, jumlah ahli dewan pun telah bertambah dan juga jumlah kementerian telah bertambah tetapi hari untuk perbahasan tidak bertambah. Kami semua tahu bahawa hari ini tidak cukup, jumlah hari ini tidak cukup, jadi saya harap dan kami memang hormatkan bahawa ini adalah bulan Ramadan tetapi kerja di dalam dewan ini pun mesti dilakukan dengan bermakna supaya dewan ini tidak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jelutong bahawa dia menjadi *rubber stamp* sahaja. Jadi saya haraplah jika boleh lebih ramai diberi peluang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz : Saya menyokong apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua kerana masa yang diberi cukup dan Speaker pun adil kepada semua pihak. Masa panjang pun tak guna, pembangkang pun itu juga, balik-balik tiap tahun itu juga. Kita pun dah hafal. Apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua tu saya sokong sangat dan amat wajar.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat dan yang ini tidak ada dalam urusan mesyuarat ini *[Ketawa]*. Hanya saya nak berkata, sebagaimana yang saya katakan tadi tidak ada satu parlimen membolehkan Ahlinya berucap bahkan saya melihat setengah-tengah parlimen itu menetapkan ahli-ahli mereka itu siapa-siapa yang nak berucap di dalam mana-mana satu jurusan, bukan kesemuanya berucap. Jika kesemuanya akan berucap, kita panjangkan 10 hari lagi pun kita tidak cukup masa.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, cuti yang dua hari tu diganti bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang minta cuti itu pun bukan saya yang minta, ada ahli-ahli yang minta, apabila saya mengumumkan cuti pada hari itu ramai yang tepuk tangan, sokong *[Ketawa]* *[Disampuk]* tapi ganti tak ganti tu bukanlah kuasa saya Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyambung ucapannya.

11.15 pagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Oleh kerana saya menghormati nasihat Tuan Pengerusi dan juga untuk menjimatkan masa, dan juga laluan-laluan telah pun diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada petang semalam, maka oleh itu saya tidak akan memberi laluan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bertanya soalan-soalan. Terima kasih. *[Disampuk]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, untuk menyambung semula jawapan kepada soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tentang pewartaan hutan-hutan simpan kekal, dalam usaha untuk mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan atau **SHK** telah ditubuhkan selaras dengan dasar perhutanan negara yang mengambil kira kegunaan tanah dan rasional bagi memenuhi keperluan pembangunan sosioekonomi negara.

Jumlah keluasan hutan simpan kekal yang dipersetujui ialah 14.45 juta hektar ataupun 44% dari jumlah keluasan tanah di Malaysia. Seluas 4.85 juta hektar hutan simpan kekal ini terletak di Semenanjung Malaysia, manakala seluas 3.60 juta hektar dan 6.0 juta hektar masing-masing terletak di Sabah dan Sarawak.

Apabila keluasan rizab Taman Negara ataupun hidupan liar yang merangkumi 44% dari keluasan tanah di Malaysia diambil kira, Malaysia telah merizabkan sebanyak 48.0% tanahnya dikekalkan dengan dirian hutan. Dengan mengambil kira cadangan

baru negeri Sarawak bagi rizab Taman Negara ataupun hidupan liar seluas 0.71 hektar, maka peratus kawasan dirian hutan kekal di Malaysia adalah sebanyak 50%.

Sungguhpun demikian, masih terdapat seluas 1.24 juta hektar hutan simpan kekal yang telah dipersetujui oleh kerajaan-kerajaan negeri masih belum siap diwartakan sepenuhnya..

Tuan Lee Kah Choon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, jawapan saya ini agak panjang, jadi kalau saya beri laluan kepada satu, saya terpaksa bagi laluan kepada semuanya. Maka saya ingin meneruskan jawapan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, ya.

Datuk Anifah Aman: Ya, sungguhpun demikian, masih terdapat seluas 1.4 juta hektar hutan simpan kekal yang telah dipersetujui oleh kerajaan negeri masih belum siap diwartakan sepenuhnya. Dari jumlah ini, kawasan seluas 0.23 juta hektar adalah terletak di Semenanjung Malaysia, manakala bakinya seluas 0.01 juta hektar dan 1 juta hektar adalah masing-masing terletak di Sabah dan Sarawak.

Kelewatan dalam mewartakan kawasan hutan simpan kekal ini akan secara langsung menyebabkan perancangan jangka panjang bagi pengurusan dan pembangunan hutan berkenaan tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan berkesan. Dengan yang demikian, tindakan perlu diambil untuk menyegerakan pewartaan kesemua kawasan hutan simpan kekal yang telah dipersetujui oleh kerajaan-kerajaan negeri tersebut.

Tuan Pengerusi, dalam tempoh 1978-2000, sejumlah 6,845,014 hektar kawasan hutan telah diwartakan sebagai hutan simpan kekal yang baru. Daripada jumlah tersebut, seluas 233,303 hektar telah diwartakan dalam tempoh 1978-1990; 4,940,905 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985); 848,494 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1997); 407,158 hektar dalam tahun Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan 415,154 hektar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000).

Kawasan-kawasan hutan simpan kekal yang diwartakan mengikut negeri-negeri yang berjumlah begitu besar telah pun diwartakan. Dari jumlah kawasan hutan simpan kekal yang diwartakan itu, seluas 1,666,459 hektar telah diwartakan di Semenanjung Malaysia, 3,595,305 di Sabah dan 1,583,295 hektar di Sarawak. Ini menunjukkan pertambahan di dalam jumlah keluasan kawasan hutan simpan kekal yang diwartakan berbanding dengan keluasan kawasan hutan simpan kekal yang dimansuhkan, kecuali 5 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Perlis. Sehingga akhir tahun 1999, jumlah kawasan hutan simpan kekal yang diwartakan adalah seluas 13,214,589 hektar.

Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa telah pun membangkitkan tentang isu pembalakan haram. Menyedari bahawa pembalakan haram dan pencerobohan hutan akan membawa implikasi buruk kepada pengurusan hutan secara berkekalan, Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu Akta 313 telah dipinda pada 8 September 1993, Akta A 864.

Di antara lain pindaan ini menetapkan hukuman penjara mandatori sekurang-kurangnya 1 tahun dan denda yang jauh lebih berat pada pesalah pembalakan haram dan pencerobohan hutan, membolehkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membantu Jabatan Perhutanan mengawal pembalakan haram serta rondaan kawasan hutan dan menggalakkan orang awam memberi maklumat mengenai pembalakan haram dan pencerobohan hutan melalui pemberian hadiah kepada pemberi maklumat.

Sehingga kini, pindaan akta serta peningkatan kawalan telah menghasilkan kesan positif terhadap usaha membanteras pembalakan haram dan pencerobohan hutan di mana bilangan kes-kes pembalakan haram dalam SHK di Semenanjung Malaysia keseluruhannya telah menurun dari sejumlah 149 kes dalam tahun 1993

kepada 37 kes dalam tahun 2000. Dalam tempoh ini, bilangan kes juga berkurangan di Sabah iaitu dari 146 kes. Begitu juga di negeri Sarawak di mana bilangan kes telah berkurangan dari 314 ke 290 dalam tempoh yang sama.

Sungguhpun kejadian pembalakan haram dapat dikurangkan di Malaysia, langkah-langkah pencegahan masih perlu dipergiatkan. Selaras dengan ini, unit penguat kuasa di ibu pejabat perhutanan Semenanjung Malaysia akan mempergiatkan siasatan pencegahan dan perisikan secara lebih sistematik bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan penguatkuasaan serta membantu pegawai di peringkat negeri di Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, keperluan logistik yang lengkap dan canggih juga diadakan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong juga telah pun membangkitkan tentang United Nations Framework Convention on Climate Change, dengan izin, Persidangan Parti Keenam ataupun Sixth Conference of the Parties (COP6), dengan izin. Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pertumbuhan iklim atau United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) telah diadakan di Hague, Belanda pada Oktober 2000 dan disambung semula di Bonn, Germany pada Julai 2001.

Di bawah Protokol Kyoto kepada UNFCCC, 3 mekanisme telah dicadangkan untuk membantu pihak Annex 1 untuk memenuhi komitmen pengurusan pelepasan gas iaitu Mekanisme Perdagangan Karbon atau Emission Trading (ET), dengan izin, Mekanisme Pelaksanaan Bersama atau Joint Implementation (JI), dengan izin, dan Mekanisme Pembangunan Bersih ataupun Clean Development Mechanism (CDM), dengan izin.

Di bawah CDM, negara-negara maju boleh menggunakan aktiviti penggunaan tanah, perubahan tanah dan perhutanan atau Land-use, Land-use Change And Forestry (LULUCF) untuk menyerap karbon iaitu sebagai [carbon sinks](#). Sehubungan dengan itu, mereka boleh menggunakan hutan mereka sendiri atau membeli hutan dari negara-negara sedang membangun untuk penyerapan karbon.

Malaysia seharusnya berhati-hati untuk menerima projek-projek [carbon sinks](#) ini di mana aktiviti LULUCF dimasukkan ke dalam mekanisme pembangunan bersih atau CDM untuk pihak Annex 1 menunaikan komitmen mereka di bawah Protokol Kyoto, mengurangkan pelepasan gas karbon. Malaysia harus menentukan supaya kriteria untuk melaksanakan pelaksanaannya dikawal dengan syarat-syarat yang ketat.

Tuan Pengerusi, dalam Majlis Perhutanan Negara yang baru-baru ini, pada 15 November yang lalu, persetujuan telah pun di dapati iaitu supaya:

- (a) Projek-projek Clean Development Mechanisme yang melibatkan hutan sebagai [carbon sinks](#) dikawal dengan syarat-syarat ketat iaitu projek-projek yang benar-benar boleh mengurangkan karbon dan kepanasan sejagat ataupun *global warming* - dengan izin - projek yang mengekalkan pemindahan teknologi yang tulen oleh negara-negara maju, tidak mengurangkan bantuan kewangan kepada negara-negara membangun; dan
- (b) Hutan boleh digunakan sebagai [carbon sinks](#) dalam Clean Development Mechanism (CDM) di bawah Protokol Kyoto untuk negara-negara maju mengurangkan karbon.

Dan oleh itu, yang saya katakan tadi, Malaysia harus berwaspada untuk menerima projek yang menggunakan hutan sebagai [carbon sinks](#). Buat masa ini, di Malaysia hanya melaksanakan projek-projek bersama atau jointly-implemented activities dengan negara-negara maju. Tiada kredit diberi kepada projek-projek [carbon sinks](#).

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah pun membangkitkan tentang perolehan seed bank ataupun biji benih. Projek perolehan biji benih dan stok tanaman Semenanjung Malaysia merupakan projek salah satu kerjasama Malaysia-Jerman yang dituluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) bagi tujuan memastikan bekalan biji benih dan bahan tanaman yang mencukupi dan berkekalan melalui mekanisme kutipan, pengendalian dan penghasilan bahan tanaman.

Projek dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama FRIM dan bantuan teknikal dari negara Jerman, JTZ dan ditadbir oleh satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha II (KPU). Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah DPSM, Ketua Pengarah FRIM, Setiausaha Bahagian Hutan dan Kayu-kayan (KPU), Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Sabah dan Sarawak.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan isu tembakau. Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman mencadangkan supaya LTN dimansuhkan kerana tabiat menghisap rokok boleh memendekkan umur. Tambahan pula, kerajaan tidak membenarkan pengiklanan rokok dan syarikat-syarikat tidak dibenarkan lagi menaja acara-acara sukan. Beliau mencadangkan tanaman gantian tembakau seperti tebu, keledek, Tongkat Ali dan tanaman kayu, berlian dan lain-lain diusahakan.

Tuan Pengerusi, industri tembakau masih diperlukan di negara kita oleh kerana sebab ianya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi, khususnya penduduk luar bandar. Tanaman tembakau juga merupakan tanaman kontan yang penting kepada penduduk luar bandar yang boleh menyumbang pendapatan yang tinggi berbanding tanaman kontan yang lain. Industri tembakau ketika ini menjana peluang pekerjaan dan pendapatan serta dapat meningkatkan taraf sosioekonomi kepada keluarga penanam, pengawet-pengawet tembakau, pekerja stesen tanah tembakau, pekerja pengilang rokok, peruncit rokok dan lain-lainnya.

Tanaman tembakau menjana peluang pekerjaan dan pendapatan kepada penduduk luar bandar sejumlah RM200 juta setahun. Ianya juga mengukuhkan ekonomi negara melalui penggantian import dan penjimatan tukaran wang asing antara RM200 juta hingga RM300 juta setahun. Serta menyumbangkan kepada pembangunan pertanian melalui kepelbagaian atau tanaman makanan dan giliran makanan, menyumbang kepada pembangunan tanah bris di mana peluang tanaman lain adalah terhad, terutama sekali di kawasan Kelantan dan kawasan Yang Berhormat bagi Bachok. Juga menambahkan pendapatan eksport negara, pengilangan produk tembakau sebagai contoh, sejumlah RM0.77 bilion disumbangkan pada tahun 2000. Juga menyumbangkan kepada hasil kerajaan, anggaran RM1.5 bilion setahun dalam bentuk pelbagai cukai. Antaranya cukai import – RM225 juta, cukai eksais – RM494 juta, cukai jualan – RM244 juta, cukai korporat – RM193 juta.

Berhubung cadangan tanaman-tanaman gantian menggantikan tanaman tembakau sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Aman, kerajaan memanglah telah mengkaji dan mengenal pasti tanaman-tanaman lain yang boleh menggantikan tembakau, terutama tanaman yang sesuai di tanah bris seperti tanaman roselle dan cili. Walau bagaimanapun, tanaman tersebut telah gagal diusahakan secara komersial kerana tidak dapat memberi peluang yang setanding sebagaimana tembakau itu.

Perbandingan setanding ini adalah dari segi pendapatan bersih kepada penanam dari segi, dengan izin, *sustainable equivalent crops*. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Aman juga kalau ada pun tanaman yang sesuai ditanam sepatutnya ia hendaklah diusahakan secara integrasi dengan tanaman tembakau kerana tembakau adalah tanaman kontan. Ini secara tidak langsung dapat mengoptimalkan penggunaan tanah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, 70% tanaman tembakau ditanam di tanah bris. Keluasan tanah bris di negeri-negeri Pantai Timur ialah 150,000 hektar. Tanaman tembakau hanya menggunakan 10,000 hingga 12,000 hektar. Oleh itu, secara tidak langsung, tanaman tembakau juga memberi sumbangan terhadap penggunaan tanah-tanah yang terbiar tidak digunakan secara optimum.

Yang Berhormat bagi Setiu telah pun membangkitkan beberapa perkara di antaranya ialah mineral-mineral di negara kita. Semenjak krisis timah dalam tahun 1985, Kementerian Perusahaan Utama telah pun menumpukan perhatian kepada pembangunan industri perlombongan yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Dari tahun 1989 sehingga 1991, Kementerian dengan kerjasama United Nation Development Program dengan izin, dan kerajaan-kerajaan negeri telah menjalankan projek dasar tambunan mineral yang bertujuan untuk menyediakan suatu sistem peraturan yang moden dan berdaya saing di peringkat

antarabangsa yang membolehkan sektor mineral terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Hasilnya tergubal satu dasar mineral negara yang bertujuan untuk menyediakan asas bagi membangunkan industri mineral yang berkesan, cekap dan berdaya saing serta menyediakan iklim pelaburan yang menarik dan persekitaran perundangan yang sesuai bagi faktor mineral. Teras dasar tersebut adalah mengembang dan mempelbagaikan sektor mineral melalui peningkatan aktiviti eksplorasi dan perlombongan di samping meningkatkan penggunaan sumber secara mampan dan optimum. Ia juga menitikberatkan penggunaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan izin, secara berkesan di samping mengalihkan penekanan daripada perlombongan *alluvial* kepada perlombongan batuan keras atau *hard rock mining* dengan izin. Dasar tersebut juga telah memberi penekanan sewajarnya kepada perlindungan alam sekitar di samping menggalakkan peningkatan aktiviti hulu atau eksplorasi dan perlombongan, dasar ini juga memberi tumpuan kepada aktiviti hiliran, pembuatan bagi menghasilkan produk berasaskan sumber mineral untuk keperluan pasaran tempatan dan eksport.

Kementerian saya juga sedar bahawa

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Setiu.

Datuk Anifah Aman: Masih panjang lagi Yang Berhormat, kemungkinan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat akan saya khabar dalam ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi ya.

Datuk Anifah Aman: Selain daripada itu maksud menangani pelbagai isu dalam sektor mineral, suatu jawatankuasa pelaksana persekutuan negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun ditubuhkan. Jawatankuasa tersebut dalam bentuk Majlis Mineral Negara bertujuan untuk mewujudkan penyelarasan dasar dan kerjasama yang lebih erat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sektor mineral.

Kementerian saya sedar bahawa banyak pembaziran sumber yang berlaku akibat ketidakjelasan takrif mineral. Takrif mineral Yang Berhormat bagi Setiu yang sedia ada adalah termasuk mineral bukan logam seperti granit, batu kapur, lempung bebola dan pasir silika kerana mineral berkenaan adalah tergolong dalam takrif umum bahan batuan dalam Kanun Tanah Negara. Dengan itu sebarang pindaan takrifan mineral dalam enakmen adalah tertakluk kepada pindaan takrifan bahan batuan dalam Kanun Tanah Negara.

Oleh yang demikian, dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Kedua pada 15 November yang lalu, isu-isu mengenai pentakrifan semula bahan batuan mineral mengoptimalkan penggunaan sumber mineral yang terhad, memberi keutamaan guna tanah kepada sektor mineral dan sebagainya telah dibincangkan dan dipersetujui serta dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara untuk tindakan selanjutnya sebelum ianya dilaksanakan.

Dalam pentakrifan semula tersebut, bahan batuan yang bermutu tinggi akan ditinggalkan daripada bermutu rendah dan ditadbirkan di bawah enakmen negeri manakala yang bermutu rendah akan terus ditadbirkan di bawah Kanun Tanah Negara.

Menyentuh mengenai pembinaan lapangan terbang di Pulau Redang, isu EIA Yang Berhormat tersebut adalah di luar bidang kementerian saya. Sehingga kini belum ada perundangan atau prosedur khusus yang mewajibkan pihak pemaju mendapatkan sijil pembebasan mineral bagi kawasan-kawasan dibangunkan. Saya dimaklumkan apa yang berlaku ialah pihak pemaju secara sukarela kadang-kadang merujuk kepada pihak Jabatan Mineral dan Geosains supaya dibuat pembebasan mineral ke atas kawasan yang akan mereka bangunkan. Namun demikian notis yang diberikan lazimnya adalah singkat untuk membolehkan satu kajian yang bermakna dibuat oleh pihak jabatan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri lagi Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Biar saya habiskan dahulu. Oleh yang demikian, kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengadakan peruntukan undang-undang bagi mewajibkan kajian pembebasan mineral dijalankan ke atas kawasan yang hendak dibangunkan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, oleh kerana mineral ini begitu panjang saya jelaskan dan dasar-dasar negara dan juga banyak lagi jawapan-jawapan yang akan saya beri juga melibatkan Yang Berhormat bagi Setiu tentang perabot maka sekali lagi saya tidak memberi apa-apa laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat bagi Setiu juga telah membangkitkan tentang industri perabot di mana mengenai apakah usaha-usaha Kementerian Perusahaan Utama di bawah program mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera atau *bumiputera commercial industrial community* (BCIC) bagi meningkatkan penglibatan bumiputera di bidang perabot sehingga mencapai 30%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian melalui agensi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) telah mengambil langkah-langkah untuk mengadakan pelbagai program khusus bagi meningkatkan penyertaan pengusaha-pengusaha bumiputera di bidang perabot yang di antaranya ialah;

- (i) mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan teknikal perkayuan dan pengurusan perniagaan;
- (ii) menyediakan peruntukan bagi membiayai sebahagian kos penyertaan pengusaha perabot bumiputera menyertai pameran-pameran produk kayu di peringkat nasional dan antarabangsa;
- (iii) memberi khidmat nasihat dari masa ke semasa kepada pengusaha-pengusaha perabot bumiputera mengenai pengurusan perniagaan mereka;
- (iv) bersama Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN) menyediakan infrastruktur dan tapak-tapak kilang di taman industri perabot;
- (v) penyediaan pusat kemudahan bersama iaitu loji pengering tanur, pusat kemas siapan dan pusat pameran produk-produk perabot bumiputera dan
- (vi) bantuan alat-alat dan mesin-mesin perabot merupakan program baru di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Kementerian ini memastikan usaha-usaha ini diteruskan dan ditambah baik dengan program-program baru dari masa ke semasa bagi memastikan pengusaha-pengusaha perabot bumiputera dapat bersaing bukan sahaja di pasaran tempatan malahan di pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Rompin telah pun membangkitkan tentang usaha-usaha kementerian untuk menstabilkan harga-harga di pasaran antarabangsa terutama sekali komoditi-komoditi utama seperti kelapa sawit dan lain-lainnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Rompin industri kelapa sawit Malaysia ketika ini menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dari segi harga pasaran. Pada masa ini harga purata minyak sawit berada di paras RM10,000 berbanding sekitar RM700 hingga RM815 di pertengahan tahun pertama 2001. Manakala harga jualan buah kelapa sawit di pintu kilang berada sekitar RM220 setan berbanding dengan RM100 hingga RM120 pada setengah tahun pertama 2001. Stok akhir bulanan minyak sawit pula kembali ke paras yang berpatutan iaitu di sekitar 880,000 tan pada Ogos berbanding paras melebihi 1.1 juta tan setengah tahun pertama 2001. Sesungguhnya paras harga minyak sawit pada masa kini sememangnya membantu peneroka, pekebun-pekebun kecil, pengusaha-pengusaha kelapa sawit. Di

masa hadapan kedudukan harga minyak sawit banyak bergantung kepada beberapa faktor. Ini adalah kerana minyak sawit sebagai satu komoditi eksport. Prospek jangka masa panjang penanaman minyak sawit di Malaysia bergantung kepada paras harga minyak sawit dan lemak dunia khususnya harga minyak sawit pada hakikatnya akan terus bergerak naik dan turun dalam jangka masa pendek.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Anifah Aman: Minta maaf Sri Gading saya tidak bagi laluan kepada Ahli Yang Berhormat maka saya juga tidak dapat memberi laluan kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Apa yang penting ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi ya.

Datuk Anifah Aman: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung semula. Apa yang penting ialah harga purata jangka panjang bagi minyak sawit perlu memberi pulangan yang munasabah kerana industri ini merupakan satu pelaburan selama 20 hingga 25 tahun. Oleh kerana itu harga purata minyak sawit mentah atau CPO perlulah berada di paras RM1000 ke atas bagi se tan metrik kerana kos pengeluaran minyak sawit dianggarkan berada di paras RM800 hingga RM850 bagi se tan metrik

Adalah dijangkakan dengan pertambahan penduduk dunia dan peningkatan pendapatan, permintaan terhadap minyak sawit akan terus meningkat pada masa hadapan. Sementara itu bekalan minyak dan lemak akan turun naik bergantung kepada keadaan cuaca yang mempunyai pengaruh terhadap tanaman bijirin atau *annual crop* dengan izin. Ini bermakna keadaan turun naik harga akan terus berlaku tetapi pertemuan permintaan bagi minyak dan lemak akan memastikan harga purata yang berpatutan kepada minyak sayuran terutama sekali minyak sawit dalam jangka masa panjang. Nilai yang diperolehi dari industri ini, pada masa ini sebahagian besar bergantung kepada nilai minyak yang dihasilkan.

Di samping itu terdapat juga bahan bijisim yang juga produk oleo kimia baru yang belum diterokai kegunaannya. Seperti mana yang dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini pada masa lepas, kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan harga CPO berada pada paras yang menguntungkan khususnya kepada peneroka, pekebun kecil di samping mempelbagaikan kegunaan produk minyak sawit. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

- (i) membenarkan CPO sebagai bahan bakar atau *fuel oil* dengan izin, oleh TNB dan penjana kuasa bebas IPP dan CPO digunakan sebagai bahan bakar jentera yang digunakan oleh industri yang lain;
- (ii) mempercepat program tanaman semula di ladang-ladang yang mana pokok sawit telah berumur melampaui umur 25 tahun dengan memberikan bantuan khas kepada SEEDS yang juga penyediaan kemudahan pinjaman tanaman semula khususnya kepada pekebun kecil;
- (iii) menggalakkan *counter trade* dengan negara-negara yang berkemampuan melaksanakan kontrak kerja, perkhidmatan atau kepakaran dengan bayaran melalui bekalan minyak sawit. Sebagai contohnya *counter trade* dengan 'Afcond' dari India dan GE atau *general electric* dari Amerika Syarikat;
- (iv) projek *green fuel diesel* sawit. Projek ini melibatkan *conversion* 500,000 tan CPO menjadi metil ester atau diesel sawit bagi menggantikan diesel petroleum. Projek ini membolehkan negara mengeluarkan satu *biofuel* mesra

alam atau *environment friendly* dengan izin, yang juga merupakan bahan bakar yang mapan dan berterusan (*sustainable*) dengan izin, dan boleh diperbaharui (*renewable*). Melalui penggunaan CPO untuk menghasilkan diesel sawit ini projek ini juga membolehkan negara mengeluarkan vitamin A dan vitamin E asli di samping menghasilkan gliserol yang merupakan bahan suapan atau *fiche stock* industri oleo kimia. Projek ini adalah projek kerjasama strategik antara Petronas, MTOB dan beberapa syarikat perladangan sawit negara dan kajian kemungkinan lanjut atau *detail feasibility study* sedang dijalankan;

- (v) mengadakan skim peraturan kredit dan pembayaran minyak sawit atau POCPA di mana negara-negara terpilih dan mempunyai potensi sebagai pasaran minyak sawit akan diberi kemudahan sebagai salah satu langkah memperbanyakkan eksport minyak sawit negara;
- (vi) mewujudkan kerjasama dengan Indonesia dalam bidang pemasaran R&D dan meningkatkan penggunaan sawit sama ada di pasaran dalam atau luar negeri;
- (vii) menghantar misi ekonomi dan teknikal minyak sawit ke luar negara terutama ke negara-negara berpotensi menjadi pengguna kelapa sawit dan meluaskan pasaran minyak sawit di pasaran tempatan.
- (viii) Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rompin, kedudukan harga CPO pada hari ini berada di RM1100 se tan metrik. Ini amat melegakan bagi peneroka dan pekebun kecil dan kerajaan masih lagi meneruskan skim insentif tanaman semula kelapa sawit ini sehingga matlamat untuk menanam semula seluas 200,000 hektar tercapai. Setakat ini seluas 171,723.668 telah didaftarkan untuk ditanam semula termasuk 83,888.583 hektar yang didaftarkan oleh peneroka dan pekebun kecil.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Oleh kerana terlalu panjang saya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi Sri Gading ya.

Datuk Anifah Aman: Silakan. Ya, Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bagi. Sila Sri Gading. Pendek-pendek Sri Gading soalnya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Harga kelapa sawit ia menjadi salah satu denyutan jantung penduduk negara ini. Di kawasan saya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tiga suku ataupun 75% petaninya yang mengusahakan kelapa sawit. Mereka memang sangat-sangat mengharapkan kementerian berusaha dengan gigih dan apa yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi salah satu yang memang ditunggu-tunggu. Saya harap penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian untuk menstabilkan harga dan meningkatkan harga CPO ini kepada satu tahap harga yang memang boleh menjamin kehidupan sangat-sangat diperlukan dan harap dihebahkan.

Saya minta akhbar pun memainkan peranan kerana ini salah satu daripada berita yang memang ditunggu-tunggu dan kalau berita ini sampai, usaha pihak pembangkang untuk merenggangkan rakyat dengan kerajaan yang ada pada hari ini akan dapat kita sekati. Ini kerana pembangkang mengharapkan isu kelapa sawit dan getah ini menjadi sebab rakyat membenci kerajaan tetapi usaha-usaha yang sedang dijelankannya harus diketahui oleh rakyat. Dengan itu rakyat akan dapat kita pertahankan supaya tidak terjebak kepada perkara-perkara yang difitnahkan oleh pihak-pihak pembangkang.

Cuma satu yang ingin saya tanya ialah berkaitan dengan antara harga yang ditawarkan kepada petani dengan harga yang ditetapkan oleh pihak kilang, pihak kerajaan dan siapa, pihak mana yang diberikan keutamaan? Kerana kadang-kadang harga yang diruncitkan di kawasan ataupun di kampung-kampung itu berdasarkan harga yang ditetapkan oleh kilang. Kilang yang mengambil dan membeli dan kilang yang menjadi langganan pada orang-orang tengah yang memberi yang meraih kelapa sawit daripada pekebun-pekebun kecil. Peraih-peraih ini membeli daripada pekebun-pekebun kecil dan dialah yang menjual kepada kilang. Peraih ini *dicontrol* oleh harga yang ditawarkan oleh kilang dan petani-petani yang menjual kepada peraih ini tidak dapat berbuat apa-apa melainkan apa yang ditawarkan oleh peraih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] : Soalnya Yang Berhormat? Ya, soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalanlah, ini soalnya, jadi apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh pihak Kementerian hendak melindungi pekebun-pekebun yang menjual kepada prebet? Seperti contoh, kadang-kadang di kilang bukan sahaja minyak daripada biji tetapi minyak daripada isirung pun menjadi sebahagian daripada pendapatan yang diproses di kilang-kilang. Ada dua jenis minyak yang boleh diperolehi dari kilang yang tidak pula diambil kira kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Sudah cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Ini penting Dato', kerana ini memang, soalan saya ini memang ditunggu-tunggu oleh ratusan ribu mungkin agaknya jutaan orang-orang kampung yang hidupnya terlibat dengan kelapa sawit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi soalan ini harap dapat dijawab dengan agaknya memberikan kepuasan ataupun memberikan pembelaan. Saya tahu Kementerian Dato' memang membela pekebun-pekebun, terima kasih atas segala usaha dan kita angkat topilah usaha gigih Kementerian ini, tidak ada Kementerian di dunialah seperti Kementerian ini yang memperjuangkan pekebun-pekebun kelapa sawit di dunia melainkan Kementerian yang ada di Malaysia di bawah kerajaan Barisan Nasional yang memperjuangkan kepentingan petani-petani kecil, pekebun-pekebun kelapa sawit. Syabas Kementerian, saya harap teruskan benda yang baik. Terima kasih Dato'.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih ya, sila.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Sri Gading, nampaknya saya diberi laluan untuk ada juga manfaat kepada Kementerian dan kerajaan Barisan Nasional. Yang Berhormat Sri Gading memanglah Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Perusahaan Utama menitikberatkan tentang keadaan penduduk-penduduk luar bandar terutama sekali pekebun-pekebun kecil. Di Kelantan juga iaitu di Bachok apabila penanam-penanam tembakau mengalami kemerosotan pengeluaran hasil mereka sejak beberapa tahun dahulu oleh kerana cuaca yang tidak menentu maka Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Perusahaan Utama yang telah pun turun untuk membantu petani-petani di Bachok. Jadi pada ketika itu Yang Berhormat daripada Bachok tidak ada di sini. Pada ketika itu tidak saya nampak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti PAS yang turut hadir biarpun ianya dimaklumkan melalui sepanduk-sepanduk di mana pembahagian ataupun bantuan yang akan dikemukakan. Ini jelas bahawa apa jua yang kita bantu, apa jua yang telah kita hulurkan tidak akan menepati pada pihak pembangkang. Walau bagaimanapun.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Saya belum jawab soalan daripada Sri Gading.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum jawab lagi, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Walau bagaimanapun, insya-Allah kita akan terus melaksanakan tanggungjawab kita di kementerian dan juga dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional untuk membantu pekebun-pekebun kecil dan kita tidak mengira sama ada apakah kefahaman politik mereka dan cuma yang selalu mengelirukan kepada penduduk-penduduk luar bandar kita terutama sekali pekebun-pekebun kecil ialah parti pembangkang Yang Berhormat, tapi walau bagaimanapun, saya sebagai Timbalan Menteri saya tidak

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Anifah Aman: Saya tidak teragak-agak untuk membantu pekebun-pekebun kecil seumpama itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri ini, Yang Berhormat. Oh dia tidak bagi.

Datuk Anifah Aman: Saya ingin jawab balik dan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi bahawa harga yang ditawarkan oleh pengilang kepada petani itu memang ini adalah satu punca ataupun satu masalah yang berterusan dan kita di kementerian telah pun menyediakan harga harian sebagai panduan kepada pekebun-pekebun kecil, sepatutnya kilang-kilang ini mematuhi harga-harga yang kita iklankan setiap hari menjadi satu garis panduan dan kita juga telah pun mengambil kira tentang pengeluaran lesen kepada pembeli-pembeli buah ini yang kita anggap sebagai orang tengah dan di mana kita mengambil kira kepentingan dan juga kedudukan pekebun-pekebun kecil. Tapi kadang kalanya Yang Berhormat, bahawa orang-orang tengah ini penting juga oleh kerana ada di antara pekebun-pekebun kecil yang tidak dapat menghantar buah-buah mereka kepada kilang-kilang yang agak jauh. Jadi, walau bagaimanapun, kita akan daripada masa ke semasa memantau dan mengkaji dan melihat apakah tindakan-tindakan yang harus kita lakukan supaya pekebun-pekebun kecil ini mendapat manfaat yang optimum. Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan yang ditunjukkan itu. Jadi...ya, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, Rantau Panjang

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri, sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan pengusaha tembakau di Kelantan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit, kita mengetahui akta akan datang penguatkuasaan seluruhnya akan kita lihat lebih kurang dalam setahun dua ini dan kita mengetahui bahawa daun kering tembakau yang diimport jauh lebih murah kalau hendak dibandingkan dengan daun kering yang diusahakan di negeri kita sendiri apabila akta berlaku. Sudah tentulah pengusaha-pengusaha tembakau di Pantai Timur khususnya di mana disebutkan tadi kawasan yang paling banyak akan menghadapi satu keadaan dilema apabila daun kering yang diimport khususnya daripada Thailand akan lebih murah daripada daun kering yang diusahakan atau dikeluarkan oleh pihak-pihak pengawet di Pantai Timur. Jadi saya ingin mendapat penjelasan di mana cara untuk mengatasi masalah itu.

Yang kedua Yang Berhormat ada menyebut tadi bahawasanya sesuatu bantuan yang diberi kepada rakyat Kelantan khususnya berkenaan dengan tembakau ini sebahagian ahli Parlimen ini tidak hadir dan ini saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat apakah pihak kementerian Yang Berhormat menjemput Ahli Parlimen khususnya di Kelantan untuk menghadiri majlis Yang Berhormat hadir sendiri di Kelantan waktu menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan itu? Saya sendiri sudah hadir di suatu majlis di sebuah hotel di Kota Bharu di mana di hari itulah pihak Lembaga Tembakau Negara serta pihak Dewan Pengawet telah menyampaikan cek-cek kepada pengawet-pengawet melalui pihak Dewan Pengawet di Kelantan tetapi Yang Berhormat tadi menyebut tidak ada seorang pun Ahli Parlimen yang hadir, ini satu pembohongan besar yang dilakukan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat, terima kasih. Telah pun saya jelaskan tadi bahawa walaupun Yang Berhormat datang, saya agak kecewa Yang Berhormat tidak datang berjumpa dengan saya dan menjelaskannya, setidaknya-tidaknya pun

bersalam-salaman dan kalau Yang Berhormat seperti orang kata bertapak di belakang sana saya tidak mungkin dapat melihat Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, tentang jemputan, saya ingat dalam kawasan saya apabila aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada kawasan saya, saya tidak perlu mendapat jemputan. Jadi, kalau Yang Berhormat mempunyai sikap supaya yang dijemput seperti orang kata, *Guest of Honour*, Yang Berhormat, maka saya sebenarnya tidak begitu mempunyai sikap sedemikian di mana kalau kita sebagai Ahli Yang Berhormat betul-betul ingin menyumbangkan khidmat kita, kita datang secara sukarela dan apa juga masalah pengundi-pengundi Yang Berhormat di kawasan masing-masing bolehlah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini supaya dapat menyumbangkan apa-apa yang boleh kita bantu kepada pekebun-pekebun kecil kita terutama sekali tembakau di kawasan Pantai Timur.

Memanglah apa yang Yang Berhormat kata itu betul bahawa kos pengeluaran tembakau kita di Pantai Timur kalau dibandingkan dengan negara jiran memanglah jauh bezanya, kalau tidak silap saya di Thailand cuma RM4.50 sekilogram dan kita di Malaysia melebihi RM7.50 dan ini kita tidak akan dapat bersaing dengan apabila akta diperkenalkan. Oleh itu kementerian telah mengusahakan bahawa apa caranya kita untuk meningkatkan produktiviti kita dan mengurangkan kos pengeluaran. Tapi kita sedia maklum bahawa di Kelantan terutama sekali di daerah yang berkenaan satu daripada masalahnya ialah sistem perparitan yang kita tumpukan oleh kerana keadaan soil ataupun tanah yang begitu sulit untuk kita dirikan. Ini telah pun kita bincangkan cara macam mana untuk mengadakan sistem perparitan yang berkesan untuk membantu pengusaha-pengusaha tembakau di kawasan Yang Berhormat.

Satu lagi langkah, sekiranya kita tidak dapat bersaing kepada negara jiran maka Kementerian Perusahaan Utama juga telah pun mengadakan satu perbincangan dengan begitu terperinci tentang macam mana kita mengadakan satu *exit scheme* di mana kita memberi alternatif kepada pengusaha-pengusaha tembakau supaya boleh keluar daripada mengusahakan tembakau apabila akta itu dikuatkuasakan.

Jadi, ini sedang dalam kajian. Walau bagaimanapun yang saya katakan awal-awal tadi oleh kerana tanah bris yang terhad itu maka tembakau masih lagi satu tanaman yang kontan yang begitu penting kepada penduduk-penduduk terutama sekali di Pantai Timur. Terima kasih, Yang Berhormat.

Jadi, Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menyambung semula. Yang Berhormat daripada Jeli ada menyentuh mengenai kedudukan Malaysia sekarang yang telah merosot dari segi pengeluaran getah asli. Beliau juga menyatakan bahawa teknologi-teknologi di sektor pengeluaran getah asli di Malaysia masih tidak begitu terkini dan kurang dari segi penggunaannya. Beliau meminta penjelasan mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan kembali kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama getah asli.

Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Jeli bahawa kedudukan Malaysia dari segi pengeluaran getah asli dunia telah menurun. Malah sekarang ini India telah pun memintas kedudukan Malaysia sebagai pengeluar getah asli ketiga terbesar di dunia dan Malaysia pada ketika ini berada di tempat keempat, bukan lagi tempat yang ketiga. Bagaimanapun, ini tidak bermakna kementerian dan kerajaan tidak memandang serius mengenai perkara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kementerian saya tidak berupaya untuk mengawal harga getah asli di pasaran dunia yang begitu merosot dan tidak menarik minat pekebun-pekebun kecil untuk mengusahakan kebun-kebun mereka dengan penanaman getah. Mereka lebih berminat untuk mengusahakan tanah-tanah mereka dengan tanaman lain seperti kelapa sawit yang dapat memberi pulangan yang lebih baik berbanding dengan getah.

Walaupun bagaimanapun, pihak kerajaan dan kementerian ada menjalankan usaha-usaha supaya pengeluaran getah asli dapat ditingkatkan. Salah satu daripadanya ialah dengan peruntukan sejumlah RM180 juta untuk tujuan menggalakkan penggunaan sistem torehan berintensiti rendah ataupun *LIDS*. Dengan penggunaan teknologi ini pengurangan akan dapat ditingkatkan kepada lebih tiga kali ganda daripada torehan yang biasa.

Pekebun-pekebun kecil juga tidak perlu menoreh setiap hari, cuma sekali dalam masa tiga hari. Dengan penggunaan *lower intensity tapping system* (LITS) ini

pekebun-pekebun kecil dapat meningkatkan pengeluaran dan sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Di samping itu, lebih masa yang terluang membolehkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang mungkin dapat menambah pendapatan mereka. Selain itu, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi membantu meningkatkan pengeluaran getah. Skim yang dikenali sebagai Skim Bantuan Pendapatan Pekebun Kecil ini bukan sahaja membantu pekebun kecil getah meningkatkan pendapatan mereka semasa harga getah sekarang yang tidak stabil, malah dapat mengelakkan mereka mengeluarkan dan menjual hasil getah mereka dalam bentuk susu cair atau latex atau getah beku. Ini kerana skim ini menyediakan bantuan sebanyak RM0.30 bagi setiap kilogram, berat kering KGK susu getah dan RM0.15 bagi setiap kilogram berat kering selain susu getah dan getah beku yang dijual oleh pekebun kecil.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Berkenaan dengan penemuan oleh sebuah syarikat di Amerika di mana penggunaan getah asli cuma 5%, perkara ini tidak perlu dibimbangkan kerana getah asli mempunyai ciri-ciri dan kelebihan tertentu yang tidak boleh ditandingi oleh getah tiruan. Oleh itu, permintaan terhadap getah asli akan berterusan dan tidak akan terjejas.

Tuan Pengerusi, walaupun sarung tangan menggunakan teknologi secara relatifnya rendah tetapi ia memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan negara iaitu purata RM3.5 bilion setahun dan pendapatan bagi tahun ini sehingga Jun telah melebihi RM1.5 bilion. Sarung tangan getah Malaysia juga dikenali dunia mempunyai kualiti yang tinggi terutama yang mempunyai Sijil SMG - Standard Malaysia Gloves, dengan izin.

Tuan Pengerusi, kajian serius untuk mempertahankan *market share*, dengan izin, sarung tangan getah ini. Oleh itu, di samping memperkenalkan Skim SMG, kerajaan telah menubuhkan Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) untuk mempromosikan bukan sahaja sarung tangan tetapi juga lain-lain produk getah. Ini akan meningkatkan permintaan barangan getah dan seterusnya permintaan ke atas getah mentah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil. Dengan peningkatan permintaan ke atas getah mentah ini maka ia boleh membantu dan meningkatkan harga ke paras yang lebih memuaskan dan berpatutan.

Tuan Pengerusi, setakat ini yang dapat saya jawab pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menimbulkan perkara-perkara tersebut dan sekiranya ada yang tertinggal, kita akan memberi maklumat itu secara bertulis dan sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah pun menitikberatkan dan membangkitkan isu-isu yang penting terutama sekali kepada penduduk kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM172,275,830 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM172,275,830 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM106,257,540 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM106,257,540 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Maksud B.19 [Jadual] –**Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan 2002]-**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Kuala Selangor.

12.04 tgh.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum w arahmatullahi w abarakatuh dan salam sejahtera. Insya Allah, saya akan turut sama mengambil bahagian dalam Maksud Bekalan B.19 Kementerian Pertanian, Butiran 02000 - Pertanian. Anggaran pada tahun 2001 - RM79,499,500 tetapi pada tahun 2002 ini kurang daripada tersebut perlu ditambah. Aktiviti pertanian menjurus kepada pemberian perkhidmatan perundingan, sokongan, teknikal dan khidmat nasihat yang profesional bagi menjadikan pertanian kecil kepada industri pertanian sebagai usaha untuk menjadikan negara pengeluaran bahan makanan tersendiri. Dengan mengadakan rundingan serta persetujuan daripada kerajaan negeri perlu diadakan dalam usaha untuk membangunkan tanah-tanah yang tidak diusahakan.

Pihak Kementerian Pertanian harus mengambil pendekatan terhadap jenis komoditi yang sesuai untuk diusahakan secara industri, sektor pertanian melalui tanah-tanah yang terdapat di kerajaan negeri atau di tanah-tanah warisan yang tidak diusahakan dengan melantik satu panel perunding untuk mengusahakan pertanian secara komersial. Saya sarankan kepada Kementerian Pertanian mewujudkan stok makanan negara bagi memastikan negara sentiasa mempunyai bekalan makanan dan tidak meletakkan pergantungan segala keperluan makanan negara kepada bahan makanan melalui import. Melalui perubahan dasar yang lebih berkesan bagi pembangunan pertanian, penghasilan bahan makanan, para petani dapat didedahkan kepada konsep kumpulan tenaga kerja yang terlatih dan mahir untuk keperluan industri pertanian.

Saya meyakinkan dengan pelaksanaan ke atas usaha-usaha untuk membangunkan penghasilan bahan makanan untuk negara, jumlah import makanan untuk negara yang dianggarkan RM11 bilion untuk tahun 2001 dapat dikurangkan dan negara akan berada dalam keadaan yang selesa dengan stok makanan negara yang sedia ada. Saya mohon menyokong agar peruntukan Anggaran Perbekalan 2002 Kementerian Pertanian melalui Pertanian ditambah kerana ianya akan berkongsi dengan tanggungjawab yang besar bagi tujuan melaksanakan dengan berkesan.

Butiran 03000 - Pengaliran dan Saliran, 030100 - Perkhidmatan Pengurusan dan 030200 - Perkhidmatan Teknikal. Tuan Pengerusi, dalam objektif untuk merealisasikan dan mewujudkan stok makanan negara, tanggungjawab serta peranan agensi pengaliran dan juga saliran sebegitu utama iaitu merancang, menyelia dan melaksanakan perkhidmatan dalam bidang pengaliran supaya berkesan dan menjayakan Dasar Pertanian Negara (DPN) demi untuk mempertingkatkan kesejahteraan petani, penternak dan nelayan khususnya dan juga kepada orang awam amnya. Melalui penerangan aktiviti Pengaliran dan Saliran yang merangkumi kepada peranan serta tanggungjawabnya, bagi pihak saya, ingin menjelaskan ke atas sering kali berlakunya bencana di kawasan Parlimen Kuala Selangor.

- (a) ketika musim hujan, akan berlaku banjir ke atas kawasan rendah dan melibatkan kerosakan harta benda dan hasil tanaman kontan akan musnah. Kejuruteraan sungai serta parit yang tidak terurus dengan baik seperti keadaan sungai yang cetek dan berlakunya hakisan tebing serta keadaan parit yang tidak dapat memberikan pengaliran yang baik akibat semak dan dipenuhi oleh sampah sarap ;
- (b) berlakunya hakisan pantai yang agak kritikal yang turut menghakis tanah-tanah milik persendirian yang juga akan memusnahkan hasil tanaman dan harta benda penduduk persekitaran.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong dan memohon agar perbelanjaan ditambah kepada Kementerian Pertanian melalui Pengaliran dan Saliran ke atas

program Perkhidmatan Pengurusan dan aktiviti 'Perkhidmatan Teknisi' ditambah di atas persediaan kerja-kerja kecemasan yang di luar jangkaan, di samping berpandukan kepada peribahasa Melayu, "Sekali bah pantai akan berubah".

Seterusnya Butiran 090000 - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan di mana anggaran pada tahun 2001 - RM48,68,800 manakala anggaran 2002 - RM48,171,000 sahaja, ini perlu juga ditambah.

Tuan Pengerusi, untuk memperbaiki sistem pemasaran yang sedia ada, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) harus diberikan tanggungjawab secara penuh terhadap bentuk kawalan pemasaran bermula dari peringkat ladang sehinggalah ke peringkat penjualan sama ada untuk jualan barang atau jualan runcit terutama kepada komoditi hasil pertanian, ternakan air dan ternakan ladang. Peranan serta tanggungjawab Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bukan dilakukan sekadar mengawal harga dan pasaran tidak sesuai lagi dilaksanakan sekarang ini yang mana FAMA harus diberikan tanggungjawab serta berperanan sebagai badan induk pengawal pemasaran negara yang mencukupi bagi hasil-hasil pertanian. Hasil-hasil ternak seperti ikan, ayam, lembu dan sebagainya lagi dan tidak meletakkan pelbagai kementerian serta agensi untuk mengendalikan bentuk kawalan harga pasaran.

Agensi FAMA seharusnya bertanggungjawab kepada semua pemasaran hasil-hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta ternakan air dan ternakan ladang sama ada untuk peringkat burung dan juga runcit. Jadi, kawalan pemasaran di semua pasar-pasar basah di seluruh negara perlu dipertanggungjawabkan kepada FAMA iaitu sebagai pengawal pemasaran negara dan tidak kepada pihak berkuasa tempatan seperti masa sekarang ini. Melalui pendekatan ini, negara tidak akan menghadapi masalah berhubung dengan kawalan harga serta pemasaran untuk hasil-hasil pertanian, ternakan air dan ternakan ladang di mana pengawal pemasaran negara oleh FAMA akan sentiasa bersedia untuk bermula dari peringkat ladang terutama bentuk stok pengeluaran serta penghasilan untuk sesuatu tempoh sehingga kepada peringkat jualan runcit dan pihak pengguna akan mendapat manfaat daripada penguatkuasaan ini.

Di samping itu juga, FAMA harus lebih aktif untuk membawa produk makanan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan melalui program Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada pasaran yang global dan dapat diwujudkan rangkaian pemasaran yang sepadu kepada semua *supermarket* dan *hypermarket* ke seluruh negara serta pasaran luar negara bagi mengatasi jangka hayat yang singkat atas penghasilan makanan hasil pertanian.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong di atas anggaran perbelanjaan untuk ditambah kepada Kementerian Pertanian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan memohon agar cadangan tersebut diberikan pertimbangan untuk dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

12.14 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya begitu kesal dengan ketidakhadiran langsung Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen pun tidak ada di sini.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Ada? Mana Kementerian Pertanian? You hendak tukar kementerian? [Ketawa] [Disampuk] Jadi, saya cadangkan supaya pejabat Tuan Yang di-Pertua menelefon salah seorang daripada kementerian ini untuk hadir. Kemungkinan mereka tidak tahu sudah naik tetapi ini bukan sikap yang betul. Mana boleh tidak ada orang satu pun. Kalau kita lepaskan tanggungjawab tidak betullah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mungkin mereka ada di luar dan pegawai-pegawai ada di sini....

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau macam ini, pegawai duduk depan tidak apalah. Sekurang-kurangnya menelefon mereka, tanyalah kalau kecemasan pun kita bimbang. Nanti pilihan raya kecil tidak bagus.

Datuk M. Kay veas: *[Bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Kerk Kim Hock: *Are you representing them?*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, saya teruskan, duduklah. *You have nothing to do with this, what do you know about pertanian?*

Datuk M. Kayveas: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Kerk Kim Hock: Ini apa? Tanggungjawab menteri pun tidak faham. *[Disampuk]* Eh, semalam sudah malu, sekarang mahu ambil peluang pula. *[Ketawa]* Saya tahu, you duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: Okey, saya teruskan. Tahukah Kementerian Pertanian Maksud berapa? *[Disampuk]* Bagi pegawai datang ke depan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata Timbalan Menteri juga benar. Kadang kala semasa mereka menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikeluarkan soalan itu tidak hadir pun ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Itu lain perkaralah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, yang penting di sini....

Tuan Kerk Kim Hock: Ini tanggungjawab menteri untuk.... Ini apa ini tanggungjawab kerajaan minta peruntukan pun tidak ada. *[Disampuk]* Eh, semalam sudah malu, apa ini?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tangguhlah, tangguh.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Kerk Kim Hock: *You want to test what are you saying ha?*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang penting sekali pegawai-pegawai yang terlibat tentu ada membuat catitan. Teruskanlah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini bukan, tidak boleh, saya kesal sangat dan saya kata kalau mereka tidak hadir nanti, kita akan tolak semua.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga minit sudah habis, habiskan sahaja, Yang Berhormat.....

Tuan Kerk Kim Hock: Saya merujuk kepada Maksud B.19, Butiran 040000 - Perkhidmatan Haiwan. Aktiviti 040200 - Epidemiologi dan Perubatan dan Perubatan Veterina. Tuan Pengerusi, sudah beberapa kali saya sentuh perkara ini dalam Parlimen ini dan mengikut jawapan yang telah diberikan oleh kementerian, Akaun Amanah JE sehingga 30 Mac tahun ini berjumlah RM155 juta.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cerita lama.

Tuan Kerk Kim Hock: Betul cerita lama tetapi belum selesai. Diam, nanti, dengar dahulu. Selepas bayar an pampasan telah dibayar kepada penternak khinzir terdapat baki lebih kurang RM18 juta. *[Disampuk]* Ini masalah khinzir lebih 100 orang mati, kerajaan tidak keluar satu sen pun, jadi jangan mair-main dengan isu ini. *[Disampuk]* Ini semua *racialist*. Sri Gading, *I'm saying* Sri Gading. *[Disorak]* Jangan ketawa! Berapa orang mati tau, lebih dari 100 orang mati, kerajaan tidak keluar satu sen pun dan industri RM2.5 bilion runtuh. *[Disampuk]* You ketawa sekarang? *[Sambil menunjukkan ke arah seorang ahli]* RM18 juta itu telah dijanjikan akan dikeluarkan.

Menteri Kerja Raya mengumumkan pada 19 September tahun ini bahawa Kabinet telah lulus kan. Kemudian, 20 September, Menteri Kesihatan mengesahkan bahawa bakinya akan dibayar. Akhirnya, orang yang tidak tahu apa-apa langsung pun, buat pengumuman. Pada 17 Oktober, Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa baki akan dibayar tetapi sampai.....*[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia tidak faham apa khinzir. Jadi, sampai hari ini pun, baki belum dibayar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri semalam yang telah memberitahu saya, dia akan beri saya satu jawapan. Jadi, saya harap – saya tidak mahu serang dia sebab saya tahu dia adalah orang yang baik – saya harap saya akan mendapat satu jawapan yang *definite*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Kerk Kim Hock: Bilakah.....*[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat 36(6), kerana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta Yang Berhormat bagi Kota Melaka tarik balik sangkaan jahat mengatakan saya ada rasa perkauman.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, tidak apalah!

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau Yang Berhormat kata tadi, adakah niat itu? Buat niat itu? Tidak ada?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada.

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau tidak ada, saya tarik balik. Tetapi, jangan ketawakan isu ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, memang semua orang Melayu, orang Cina, orang India, orang yang saya hor matlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Selalu isu khinzir ini disebutkan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cuma cakap itu cerita lama. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tarik baliklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Tarik balik apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tadi, awak tuduh saya perkauman, saya tidak cakap perkauman.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, *you apologize for your behavior*? Okay, saya tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okaylah, terima kasihlah. Sudahlah, cuma saya cakap itu perkara lama. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Kerk Kim Hock: Behavior okay, tetapi jangan ulang kelakuan tidak baik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, okay! *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, sila duduk. Saya minta Sri Gading sila duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Pengerusi, sehingga ke hari ini, walaupun satu badan antarabangsa telah mengumumkan bahawa Malaysia sekarang bebas dari ancaman nipah, tetapi saya tidak faham apakah sebabnya satu laporan tidak boleh dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia. Apakah punca yang menyebabkan wabak nipah itu berlaku di Malaysia? Apa yang hendak disembunyikan? Baru-baru ini pun, pakar dari Universiti Malaya, Profesor C.T Than telah mengumumkan bahawa punca wabak

nipah berlaku di Malaysia adalah oleh kerana virus dibawa oleh fruit bats dan virus ini bermula dari Tambun. Tambun MP tahu. *[Ketawa]* Bukan di Bukit Pelandok

Dan juga ada pakar telah mengatakan bahawa bukan oleh kerana alam sekitar yang kotor yang menyebabkan nipah berlaku dan nipah itu disebutkan "hendra-like". Hendra adalah satu tempat di Australia. Jadi, saya cabar supaya kerajaan mengeluarkan satu laporan. Kalau tidak ada laporan, mana kita tahu apakah yang sebenarnya menyebabkan wabak ini dan apakah langkah-langkah pencegahan yang harus diambil? Kita hendak tahu daripada pihak kerajaan sama ada cerita yang kita dengar itu bahawa di Tambun, awal-awalnya ada empat ekor kuda yang mati. Siapa yang bawa kuda itu masuk ke Malaysia? Penternak khinzir tidak ada kuda. Jadi, apakah yang hendak disembunyikan? Jadi, saya juga harap bahawa orang-orang terutama Ahli Parlimen seperti Sri Gading, jangan adakan prejudis terhadap penternak khinzir. Selalu saya tahu bila perkara ini dibawa di Parlimen, mereka sindir. Itu cara mereka cakap. Seratus lebih orang telah mati dan apa kerajaan telah buat? *[Dewan gamat seketika]*

Kalau isu ini berlaku di luar negeri, bukan sahaja menteri akan letak jawatan, kerajaan pun akan jatuh, tetapi di sini, setiap wang dan setiap sen pun dikeluarkan bukan daripada Treasury. RM155 juta dikutip daripada orang awam, Dan RM140 juta daripada loteri draw. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak menguruskan perkara ini dengan baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya bagi peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Kota Melaka sedang memperkatakan soal penyakit dan sebagainya. Apa kaitan dengan hendak tuduh Sri Gading prejudis? Tidak ada apa-apa. Tarik baliklah! Saya tidak kena mengena dengan filem yang *you* buatlah. Saya tidak ada kena mengenal. *You* tarik baliklah ini! Saya pun tidak mahu mainlah ini filem. *You* buatlah! Tarik baliklah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah. Saya minta dia tarik baliklah Tuan Pengerusi. Jangan menuduh saya dengan tuduhan yang tidak benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay. Sudah jadi pelakon utama dalam filem, tidak boleh tarik balik. *[Ketawa]*

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya juga harap bahawa kementerian akan menimbang cadangan atas permintaan yang telah dibuat oleh para penternak khinzir di Bukit Pelandok iaitu mereka dibenarkan untuk menternak khinzir di ladang yang sedia ada. Dan saya tahu bahawa semenjak berlakunya wabak ini, tiada seorang menteri telah melawat ladang itu, kecuali pada masa itu, bekas Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, yang berani melaw at dan sekarang orang yang minat melawat cuma saya. Ini gambar yang saya dapat, saya akan bagi kepada menteri.....*[Disampuk]*
[Menunjukkan sekeping gambar yang diambil ketika melawat ke Bukit Pelandok]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah?

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti, biar saya habiskan dua ayat dahulu. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukuplah, Yang Berhormat. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Kerk Kim Hock: Khinzir itu bukan industri yang kecil. Ini satu ladang yang saya melawat. Ini, anak saya tidak takut pun. *[Menunjukkan gambar yang diambil ketika melawat ke Bukit Pelandok bersama anaknya]* Berapa dia punya pelaburan? RM5 juta satu ladang. Jadi, kerajaan - terutama lagi saya kata Sri Gading - semua tidak faham.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat. Masa cukup.

Tuan Kerk Kim Hock:..... industri penternak khinzir dan mengeluarkan perlakuan yang tidak elok. Itusahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang, saya beri peluang kepada Tambun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bila Kuala Kedah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun untuk bercakap]*

12.23 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Betul, betul Tambun. JE daripada Tambun. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun, Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tambun, Tambun. *[Ketawa].* Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ataupun FAMA. Kita sedar bahawa FAMA ditubuhkan pada tahun 1965 di bawah Akta Parlimen dan mempunyai fungsi yang cukup besar dari sudut untuk memajukan industri makanan dalam negara kita. Saya ingin mendapat penjelasan terlebih dahulu daripada kerajaan. Bagaimanakah dari segi penilaian kerajaan ke atas FAMA? Adakah FAMA sebenarnya telah mencapai prestasi sepertimana yang diharapkan?

Saya lihat dalam laporan yang disediakan dalam kertas Belanjawan ini, saya dapati bahawa FAMA sepatutnya menjadi badan yang lebih besar lagi. Saya ingin mengaitkan FAMA dengan dasar perindustrian dasar pertanian negara terutama dari segi matlamat untuk mengatasi masalah pengimportan makanan yang begitu banyak, lebih kurang RM12 bilion setahun. Di antara dasar penting tersebut adalah untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta meningkatkan daya saing dalam industri pertanian.

Tuan Pengerusi, saya menganggap bahawa untuk kita mencapai matlamat dasar pertanian negara terutama dari segi pengeluaran makanan, dari segi struktur operasi, memerlukan kepada satu *lead agency* dan saya menganggap FAMA mempunyai kedudukan yang penting untuk memainkan peranan tersebut untuk merangsang sektor-sektor lain dan untuk merangsang pengusaha dari sektor swasta *[Tepuk]* untuk memainkan peranan dalam pelaburan, dalam industri tersebut, sebagaimana matlamat kerajaan supaya sektor swasta memainkan peranan untuk meningkatkan budaya komersial ataupun korporat dalam sektor pertanian. Sehubungan dengan itu, saya ingin memberi pandangan ke atas FAMA ini.

Pertama, saya menganggap FAMA mempunyai peranan penting dalam mewujudkan sistem pemasaran domestik yang lebih efisien. Salah satu yang kita hadapi dari segi struktur pemasaran domestik adalah peranan orang tengah.

Kita kerap kali mendapat aduan dan laporan oleh pengeluar yang akhirnya menjadi mangsa kepada sistem pemasaran. Apa yang mereka perolehi daripada usaha mereka sebagai pengeluar, margin yang begitu rendah. Kalau kita buat perbandingan margin antara sektor pertanian dan sektor lain, kita dapati bahawa pengusaha dalam sektor pertanian ataupun industri pertanian mendapat margin yang paling rendah iaitu kurang daripada 5%. Saya menganggap FAMA sebagai satu agensi pemasaran harus melihat ke belakang daripada sudut mengadakan sistem pengangkutan yang lebih efisien supaya wujud satu aliran pemasaran yang lebih efisien lagi. Kedua, masalah utama yang kita hadapi adalah daripada segi kapasiti dan produktiviti pengeluaran makanan negara.

Sehubungan dengan itu, saya menganggap oleh kerana FAMA merupakan badan yang telah lama bergiat, ia mempunyai peranan sebagai koordinator. Kita tahu bahawa linkages antara pihak pengusaha sektor modal dan juga kerajaan begitu penting untuk kita mewujudkan industri pengeluaran makanan yang begitu cekap dan berproduktiviti tinggi. Kita dapati bahawa antara punca mengapa sektor korporat tidak

begitu berminat dalam industri pengeluaran makanan ini, di mana saya nyatakan berpunca daripada margin yang begitu kecil, kurang daripada 5%.

Di samping itu, kita dapati bahawa risiko business begitu tinggi dari segi masalah pemasaran produk-produk makanan. Di sini FAMA boleh memainkan peranan untuk mengait atau mewujudkan linkages antara pengusaha dengan sektor modal iaitu baik dari segi mereka yang sanggup mengeluarkan ini sebagai pelabur mahupun sektor yang memberi pinjaman. Linkage yang kedua adalah dengan pihak kerajaan. Ini telah kita sentuh banyak kali. Saya tidak melihat sebenarnya di negara kita.

Dari segi dalam industri pertanian sebagai sektor pengeluaran makanan, kita ambil contoh iaitu mengeluarkan sayur-sayuran. Kita tidak nampak di negara kita satu kawasan besar di mana usaha ini dijalankan. Tidak ada yang berbentuk atau berskala besar. Ini berpunca daripada masalah tanah. Sehubungan dengan itu, sebagai satu badan yang boleh menyelaraskan di antara beberapa key players di dalam industri tersebut, saya menganggap FAMA mempunyai kedudukan yang begitu baik untuk mengadakan hubungan dengan kerajaan-kerajaan negeri ke arah untuk membuat satu perancangan supaya *the economies of scale* dalam bidang pengeluaran makanan seperti sayur-sayuran umpamanya dapat dilaksanakan.

Di samping itu, saya menganggap bahawa FAMA boleh memainkan peranan. Saya melihat daripada sudut industri sektor pertanian memerlukan kepada penggabungan di antara realiti kaum dalam negara ini. Dalam industri ini, kita dapati bahawa kalau kita ambil contoh industri tanaman sayur-sayuran, kita dapati bahawa golongan yang pakar dan berdaya maju dalam bidang tersebut adalah pengusaha daripada kaum Cina. Kita dapati pula ada orang Melayu kaum bumiputera yang mempunyai tanah yang terbiar dan kita tidak boleh menganggap bahawa golongan bumiputera ini golongan yang tidak berminat ataupun tidak *industrialized* dalam bidang ini. Kalau kita lihat dari segi konsep budaya atau konsep culture, kita dapati kaum bumiputera pun begitu *industrialized*. Contoh, dalam bidang tanaman padi umpamanya kita dapati sebahagian besar daripada mereka yang terlibat adalah daripada kaum bumiputera.

Jadi di sini saya dapati kita mesti melihat dari sudut realiti negara kita. Macam mana kita hendak wujudkan sektor pertanian yang dapat menggabungkan realiti kaum dalam negara kita. FAMA boleh memainkan peranan di mana konsep *cost culture*, di antara kepakaran, kecekapan dan teknologi yang dimiliki oleh pengusaha daripada golongan orang Cina ini dapat dipindahkan dalam satu gabungan yang begitu *synergies*. Dengan itu tanah-tanah yang dimiliki oleh golongan kaum bumiputera yang tidak dibangunkan, boleh dibangunkan menjadi kawasan tanaman sayur dengan cara yang begitu maju.

Selain daripada itu kita bercakap tentang soal daya saing. Daya saing bermaksud bagaimana kita hendak memasarkan produk kita ke peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan ini, ada dua perkara yang saya ingin sentuh. Pertama, dalam laporan tahunan FAMA. Saya dapati FAMA ada mengadakan perjanjian bawah MoU, bukan perjanjian, MoU – Expo 1999 Kunming di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan China. Apakah kedudukan MoU ini?

Saya dapati Tuan Pengerusi, dalam konteks globalisasi kita berkongsi segala-galanya - dari segi perbekalan, pemasaran, teknologi dan kepakaran. Dan China dilihat sebagai sebuah negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian yang begitu tinggi. Apabila kita pergi ke China kita dapati bahawa konsep pertanian ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd.Hanadzlah: Oh, sedikit lagi. Konsep pertanian di negara tersebut memaksimumkan tanah dengan begitu hebat sekali. Bagaimana kita harus memanfaatkan dari segi pemindahan teknologi tersebut dari Negeri China kepada negara kita.

Dan kedua yang saya nyatakan tadi, saya dapati usaha untuk kita menarik minat pembeli luar atau pelabur luar ke negara ini tidak kita lakukan. Bagi negara-negara yang telah sampai kepada daya saing pertanian yang begitu tinggi, mereka kerap kali mengadakan apa yang dipanggil sebagai *International Agriculture Fair*. Di banyak negara ada dilakukan tetapi ini tidak dilakukan di negara kita. Saya menganggap ini adalah satu cara untuk kita dapat menarik minat, baik pelabur mahu

pun pembeli bagi produk-produk negara kita, dan saya menganggap bahawa FAMA harus melihat kepada perkara tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

12.35 tgh.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara 26000 – Penguatkuasaan dan Perlindungan di bawah Jabatan Perikanan.

Saya melihat bahawa kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta setahun untuk tujuan pengurusan dan juga perlindungan sumber-sumber perikanan. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar dan saya melihat usaha ini berterusan dilakukan setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa kementerian prihatin terhadap pengurusan sumber-sumber perikanan, dan justeru itu saya melihat satu unit penguatkuasaan telah ditubuhkan oleh jabatan di bawah Akta Perikanan untuk melaksanakan Akta Perikanan dan tujuannya juga adalah untuk mengawal, menjaga sumber-sumber perikanan, terutama terumbu karang dan tempat-tempat pembiakan ikan yang lain.

Walaupun usaha penguatkuasaan telah ditingkatkan, namun saya masih melihat bahawa masih terdapat segelintir nelayan-nelayan *so-call* yang menggunakan atau bergantung kepada *destructive technology*, teknologi yang destruktif untuk menangkap ikan. Dan di Sabah, salah satu teknologi ini ialah penggunaan bahan letupan untuk digunakan sebagai teknologi untuk menangkap ikan dan ianya digunakan begitu berleluasa. Untuk makluman, sebahagian besar dilakukan oleh nelayan-nelayan pendatang tanpa dengan izin dari negara Filipina. Ianya merupakan satu masalah yang merunsingkan, masalah yang besar dan *expensive* dan begitu mahal untuk ditangani oleh Jabatan Perikanan di bawah Kementerian Pertanian. Kita melihat bahawa banyak tangkapan yang dibuat oleh Jabatan Perikanan – ratusan tangkapan di seluruh negeri Sabah dibuat oleh Unit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan.

Namun begitu, satu penghalang kepada melaksanakan Akta Perikanan itu sebagai satu akta yang *deterrent*, yang akan menghalang nelayan-nelayan lain daripada melakukan perkara yang sama, melakukan penangkapan ikan dengan bahan letupan adalah kerana akta itu sendiri. Saya melihat bahawa Perkara 26(i)(c) di mana peruntukan ini menghendaki pihak pendakwa, iaitu pihak pendakwa daripada Jabatan Perikanan untuk menunjukkan bahan bukti bahawa seseorang yang ditangkap kerana memiliki ikan-ikan yang disyaki ditangkap dengan menggunakan bahan letupan, *burden of proof* itu adalah di pihak pendakwa.

Seksyen ini menghalang lebih banyak kes dibawa ke mahkamah dan dimerangi oleh Jabatan Perikanan dalam perbicaraan. Apa yang berlaku sekarang kebanyakan daripada mereka yang ditangkap dan didapati bersalah adalah kes-kes *plead guilty*, kes-kes mengaku salah. Tetapi apabila sampai kepada peringkat perbicaraan, lebih banyak, lebih kerap daripada tidak kes-kes ini terpaksa ditarik balik ataupun Jabatan Perikanan terpaksa kalah dalam kes-kes yang dilakukan. Ini disebabkan oleh Seksyen 26(i)(c) itu yang menghendaki *burden of proof* itu di pihak pendakwa. Banyak nelayan ditangkap cuma mengaku bahawa mereka tidak mengetahui bahawa akan ditahan jika ikan ditangkap dengan menggunakan bahan letupan dan ini menghalang pelaksanaan *enforcement* terhadap Akta Perikanan.

Dan ini mungkin salah satu sebab mengapa teknologi penangkapan ikan dengan bahan letupan ini begitu berleluasa di Sabah dan saya ingin pihak Jabatan untuk mengkaji, menyelidiki, menapis dan meneliti semula Seksyen 26(i)(c) ini agar diubah dan disesuaikan dengan keadaan sekarang. Saya melihat ada ruang-ruang di mana *improvement* ataupun pengubahsuaian boleh dilakukan oleh jabatan agar aktiviti menangkap ikan dengan bahan letupan ini dapat diberhentikan, dikurangkan di negeri Sabah. Ianya destruktif. Sumber perikanan, terumbu karang, tempat-tempat pembiakan ikan boleh dimusnahkan dengan bahan letupan ini semata-mata untuk menangkap ikan bagi jangka masa pendek.

Saya juga ingin menyentuh perkara di Butiran 25400 – Program Pembangunan Akuakultur. Saya melihat bahawa usaha kerajaan, usaha kementerian untuk menggalak lebih ramai peternak mencebur diri dalam usaha akuakultur nampak

berkesan dan saya melihat ramai telah menceburi usaha ini terutama dalam penternakan udang harimau. Dan saya mengalu-alukan agar usaha ini diteruskan oleh kementerian lebih-lebih lagi kerana penternakan udang harimau bukan sahaja sensitif malah memerlukan penjagaan yang rapi. Banyak masalah yang dihadapi oleh penternak udang harimau ini – masalah penyakit, masalah penjagaan kualiti air, juga masalah tanah dan sebagainya yang merupakan masalah yang sering dihadapi oleh penternak-penternak udang harimau.

Saya mendapat rungutan daripada mereka di mana apabila mereka menghadapi masalah-masalah ini – masalah penyakit dan sebagainya, apabila masalah ini dibawa kepada Jabatan Perikanan, lebih kerap daripada tidak, alasan yang diberi bahawa jabatan tidak mempunyai makmal yang lengkap untuk menyelidiki, membantu mereka, kekurangan kakitangan untuk mengetahui dan membuat *diagnosis* terhadap masalah yang dihadapi. Pendeknya bantuan daripada Jabatan Perikanan kurang terhadap penternak-penternak apabila mereka ini menghadapi masalah.

Saya tahu banyak dilakukan tetapi beberapa perkara seperti masalah penyakit, masalah kualiti air dan tanah yang sering menghantui penternak merupakan satu masalah yang harus dibantu oleh Jabatan Perikanan dengan lebih agresif daripada masa-masa yang lalu. Di Tawau, Sabah umpamanya, saya diberitahu bahawa terdapat 10 ribu ekar tanah yang sedang diusahakan oleh 50 orang penternak udang harimau, dan kalau kita kira pengeluarannya, lebih kurang 150 tan semusim dan dalam satu tahun ada tiga musim pengeluaran dapat dikeluarkan.

Saya melihat ini satu industri yang besar dan boleh diperkembangkan. Sebab itu saya menyeru agar Jabatan Perikanan supaya dapat membantu menghulurkan lebih banyak bantuan dari aspek teknologi terhadap penyakit dan juga penjagaan kualiti air kepada penternak-penternak. Saya mendapat rungutan daripada mereka bahawa industri ini sekarang selepas insiden 911 juga menghadapi tekanan daripada pengimport-pengimport daripada Amerika. Dikatakan pada ketika ini harga pasaran tidak dapat menampung harga pengeluaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Ronald Kiandee: Yes, *one word*. Di mana harga pasaran sekarang ialah lebih-kurang RM18 satu kilo sedangkan harga pengeluaran adalah RM15 hingga RM20. Mereka menghadapi satu masalah pemasaran dan juga harga yang begitu rendah di pasaran. Saya ingin tahu sama ada kerajaan atau kementerian mempunyai cadangan untuk membantu mereka. Kalau kita lihat industri yang lain seperti kelapa sawit dibantu oleh kerajaan, padi dibantu oleh kerajaan, pengubahsuaian tanah dibantu oleh kerajaan. Saya melihat bahawa ini industri yang kurang disebut tetapi mempunyai kepentingan terhadap ekonomi negara. Kementerian harus melihat ini dan menghulurkan cara mana bantuan dapat diberikan.

Satu perkara yang akhir Tuan Pengerusi - Lembaga Pertubuhan Peladang. Saya melihat bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang banyak memainkan peranan dalam usaha untuk mengeluarkan hasil-hasil pemakanan. Tetapi saya melihat bahawa peruntukan yang diberi kepada lembaga ini pada tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini berkurang daripada yang sebelumnya. Saya melihat ini sebagai satu sebab yang akan merencatkan aktiviti Pertubuhan Peladang. Saya ingin tahu sama ada kementerian mengambil berat tentang perkara ini dan meng'*emphasis*'kan Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai satu agensi yang dapat membantu mengeluarkan hasil pemakanan untuk negara. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

12.43 tgh.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, saya membawa perkara spesifik sahaja iaitu perkara di Butiran 030000 - Pengaliran dan Saliran.

Perkara ini telah dibangkitkan dalam sidang-sidang yang lalu tetapi tidak ada perubahan. Kali ini dengan semangat baru Timbalan Menteri Pertanian, kita harap akan ada perubahan, iaitu banjir selalu berlaku di kawasan saya dan di Pokok Sena, bukan di musim banjir, itu masalah saliran – parit tersumbat, sungai tersumbat. Apabila Empangan Pedu dilepaskan air maka berlakulah banjir di Anak Bukit, di Pokok Sena dan padi-padi tenggelam di Padang Terap. Kadang-kadang untuk jaga padang golf

maka air dilepaskan. Petani-petani menderita. Haraplah kerap dicuci sungai di situ supaya tidak berlaku banjir bukan di musim banjir. Kadang-kadang saya dapat panggilan telefon “Yang Berhormat balik, banjir”. Saya kata “Tidak hujan pun”. Tetapi banjir kerana masalah sungai-sungai yang tersumbat di situ, terutama padi yang banyak tenggelam ialah di Anak Bukit, di Padang Hang dan juga di Langgar, tempat-tempat di daerah itu.

Kita harap pihak Kementerian Pertanian mengambil serius perkara ini kerana kita tiap-tiap kali menerima komplain daripada para petani kerana air yang tidak dapat bergerak. Tambahan pula kalau dicampur dengan musim hujan, maka mudahlah berlaku banjir di kawasan itu. Sudah tentu yang utamanya masalah sungai, masalah parit yang jarang dicuci, kotor dan tersumbat.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah perancangan dan pembangunan, termasuklah hal FAMA. Tahun ini durian begitu menjadi, rambutan menjadi, cempedak cukup menjadi sehingga di Sungai Tiang, di Merbok, harga cempedak begitu murah sehingga sebiji boleh dijual sepuluh sen. Kebanyakan penanam cempedak ini beri cempedak kepada lembu. Lembu makan cempedak, kerana hendak dijual terlalu murah.

Takkanlah FAMA tidak boleh berfikir untuk membuat satu industri kecil di kampung-kampung untuk mengeringkan cempedak untuk dibuat *chips* dan sebagainya. Rambutan untuk dibuat kilang-kilang kecil untuk mengetinkan rambutan seperti yang dibuat di Thailand. Tahun ini rambutan cukup murah, durian sekarang terlalu murah di Bukit Gantang dan sebagainya ditambah pula bulan Ramadan ini, kebanyakan orang Islam tidak makan durian sebab panas di siang hari.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Oleh itu durian terlalu murah, FAMA mestilah memikirkan sesuatu untuk menyelamatkan penanam-penanam durian terutama di negeri Perak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Shah Alam bangun.

Tuan Mohamad bin Sabu: Shah Alam tidak ada durian.

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tadi Yang Berhormat dok habaq lembu di kawasan Yang Berhormat makan cempedak. Yang Berhormat duduk dalam kawasan saya Shah Alam. Jadi, kalau dengan budi ehsan Yang Berhormat ini boleh kita aturkan di mana cempedak itu kita boleh faraidkan di kawasan Shah Alam ini.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tidak ada lori, tidak ada transport, saya Ahli Parlimen PPRT, kalau Yang Berhormat Shah Alam boleh menghantar transport kita boleh kira. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, perkara ini sepatutnya perlu kerana kita lihat belanjawan yang dikemukakan dan juga projek-projek kerajaan kalau orang kampung dengar RM1,000 juta untuk membuat terowong, RM25 bilion untuk Putrajaya tetapi untuk mereka cempedak diberikan kepada lembu, rambutan tidak laku. Jadi inilah yang menyebabkan kadang-kadang mereka sokong pembangkang walaupun kami tidak suruh. *[Ketawa]* Mereka kata orang kampung ditinggalkan, kalau dibuat kilang-kilang kecil, hendak bubuh lambang inilah projek daripada Kerajaan Barisan Nasional, bubuh lambang dacing besar-besar, silakan, tidak mengapa orang kampung boleh terima, sebab kawasan padi yang ada baja cap padi semua boleh dikatakan Barisan Nasional kalah, tempat ada baja padi lambang cap dacing walaupun orang kampung pikul dacing untuk pergi menabur baja, semua kawasan padi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:Ini mana satu butiran? *[Ketawa]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu butiran ada disebut dacing?

Tuan Mohamad bin Sabu: FAMA. Jadi saya mintalah supaya kerajaan membesarkan, ini kilang FAMA dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional, cap dacing

dperbesarkan. Tidak mengapa! Sebab orang kampung sudah cerdik sekarang bukan tahun 60-an lagi. Jadi, yang pentingnya ada kilang-kilang itu.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, baja cap dacing, dacing kalah semua. Jadi, ketidacerdikkan Barisan Nasional itu berterusan, itu sahaja yang hendak disebut di dalam Parlimen ini. Jadi, diharaplah Kementerian Pertanian seriuslah dalam perkara ini kerana kita membantu golongan lain terlalu banyak, sama ada golongan korporat kita boleh memberikan subsidi kepada mereka dalam bentuk kita kata Danaharta dan sebagainya. Tetapi bagi orang-orang kampung apakah bentuk untuk membantu mereka terutama sekali apabila tanaman mereka mendatangkan hasil. Kita suruh mereka membubuh baja yang baik untuk mendapatkan hasil tetapi bila hasil sudah dapat banyak mereka pula rugi. Kita berharap FAMA sekarang ini aktif dalam memasarkan barang-barang basah. Ini kita mengucapkan tahniah, hak barang-barang basah iaitu seperti sayur, ikan dan sebagainya yang dibuat juga pasar-pasar tani.

Ini satu langkah yang baik yang kita puji tetapi hasil yang datang dengan begitu banyak kadang kala itu mereka terpaksa buang. Kita berharap FAMA akan dapat mendirikan kilang-kilang kecil di kampung-kampung untuk menyelamatkan hasil mereka. Kalaulah kementerian pertanian rugi kerana mendirikan kilang-kilang kecil ini, di Parlimen kami akan membela Kementerian Pertanian. Tetapi yang dok menyelamatkan Bank Bumi beratus juta, selamatkan itu semua kami tidak bela, tetapi kalau menyelamatkan petani FAMA rugi, kita membela walaupun daripada pembangkang. Jadi diharapkan Timbalan Menteri berdiri tegak dan tuntutan lagi wang untuk Kementerian Pertanian khasnya untuk FAMA.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

12.50 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbicara Butiran 010200 Rancangan dan Pembangunan, O20200 pembangunan komuniti dan 090000 FAMA.

Pada dasarnya kita semua tahu bahawa industri pertanian di negara ini sama ada kerajaan suka, pembangkang tidak suka, soalnya sudah masanya untuk kerajaan memikirkan secara total bagaimana mempertingkatkan industri pertanian dalam negara ini ke satu tahap yang boleh kalau pun produk kita tidak boleh diekspor tetapi kita sudah berhenti mengimport daripada negara luar. Kerana kewangan yang digunakan oleh kerajaan untuk membayar barang-barang import pertanian berlipat ganda dari tahun ke setahun. Justeru itu, yang menghairankan kita Kementerian Pertanian seolah-olah tidak ada perancangan secara jangka panjang di mana kalau diteliti secara halus banyak lagi tanah-tanah terbiar, tanah-tanah kosong yang tidak diterokai.

Jadi, bayangkan bagaimana tanah ini dibiarkan begitu sahaja tidak ada perancangan secara menyeluruh apatah lagi saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Kalau kita bela petani-petani dan peladang-peladang di luar bandar ini mungkin Kuala Kedah akan kalah juga kerana rakyat akan sokong kita, kerana kita membela untung nasib rakyat tetapi kita ketepikan soal politik, kita juruskan ke arah kemapanan ekonomi dalam negara kita ini sendiri. Bagaimana kita memberhentikan import barang-barang pertanian daripada negara luar. Saya hairan kalau kita kaji dari segi sejarah Taiwan bukanlah sebuah negara besar, cuma pulau yang kecil tetapi mampu menghasilkan produk pertanian dan kita membelinya pula.

Ini kalau boleh kementerian ini cuba rancangkan sesuatu sama ada Pak Menteri, pegawainya, kementeriannya, berikan cadangan yang secara jelas kepada kerajaan bahawa ini perancangan Kementerian Pertanian untuk mengangkat martabat dan darjat peladang dan petani luar bandar yang sentiasa menghasilkan pertanian ala tradisional. Kenapa tidak boleh mengangkat mereka supaya menjadi petani yang bersifat komersial. Kalau dahulu pendapatan mereka sepuluh tahun yang lalu RM10.00 hari ini turun RM8.00, apa perancangan Kementerian Pertanian? Soal membangun masyarakat di luar bandar ini.

Ini sudah satu perancangan pada saya yang tidak masuk akal kerana kalau kementerian ini betul-betul serius menangani, membantu negara maka kementerian ini harus memberi panduan dan juga cadangan kepada kerajaan mengemukakan budget yang boleh menyelesaikan masalah-masalah di peringkat akar umbi. Tanah terbiar kenapa harus dibiarkan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kenapa Kerajaan Persekutuan menerusi kementerian ini tidak memberikan penekanan kepada kerajaan-kerajaan negeri bahawa tidak boleh lagi ada tanah terbiar melainkan dibangunkan ataupun ditanam dengan tanaman-tanaman yang boleh mendatangkan hasil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya, sudah tiba masanya Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai tinggi ini turun ke padang bersama-sama menyelami masalah rakyat. Tidak hanya hadir di waktu perasmian, sebab kita bersama dapat menyelami rakyat dan kita mengambil tindakan segera, supaya ini tidak menjadi bahan kepada pembangkang, tidak susah kita. Terima kasih, Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini yang kita perdebatkan, tetapi kalau kita cakap ramai mereka ini tidak senang hati. Sebetulnya apa yang kita cakap ini tidak ada kepentingan apa-apa. Kita cuma ingin melihat bahawa kepentingan rakyat masyarakat harus menjadi keutamaan. Apa pun kesibukan prioritinya kepentingan masyarakat. Kita menjadi wakil rakyat untuk masyarakat, bukan untuk kita *glamour*, bukan untuk kita mendabik dada dengan kesenangan senang lenang. Itu sebabnya kalau ada pilihan raya banyak Menteri kita gugur.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sebab apabila ada jawatan mereka tidak tahu apa jawatan mereka lakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya sangat setuju dengan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat apabila Kementerian Pertanian pada satu peringkat beria-ia benar untuk mengurangkan jumlah import makanan negara yang sekarang ini sekitar RM13 bilion setahun dan Kementerian Pertanian telah memohon kerajaan-kerajaan negeri menyediakan tanah-tanah rizab kekal untuk dijadikan projek projek secara komersial oleh Kementerian Pertanian tetapi bila tanah-tanah tersebut telah diberikan oleh negeri-negeri yang mempunyai banyak tanah, tetapi peruntukan yang dipohon nampaknya tidak berapa nampak, hanya kecil sekali, apa pandangan? Ini serius atau tidak serius, hendak mengurangkan import makanan negara.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini sebenarnya Menteri yang boleh jawab. Cuma pandangan saya. Justeru itu, kita memberi cadangan kepada Kementerian Pertanian agar apa juga perancangan yang baik itu dikemukakan dan dibuat susulan kerana apabila ada perancangan yang baik tetapi susulan pelaksanaan tidak ada, maka perancangan yang baik itu tidak akan mendatangkan apa-apa faedah. Di sebaliknya ianya akan menjadi kemarahan kepada orang ramai tetapi kalau pelaksanaan perancangan yang baik itu diberi susulan dengan baik, saya berpandangan negara kita tidak akan lagi bergantung kepada import dalam sektor pertanian ini melainkan mungkin negara kita akan menjadi pengeluar sektor pertanian, walaupun pada saya tidak boleh mengeksport kepada luar negara tetapi memadamkan untuk keperluan penggunaan dalam negara kita sendiri.

Akhir sekali, saya menyentuh soal FAMA. Saya juga bersetuju dengan rakan-rakan yang lain kerana pengumuman FAMA iaitu selaku pemasaran yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu untuk mengenal pasti dan membantu peniaga-peniaga kecil dan

peladang-peladang kecil untuk memasarkan barang-barang pengeluaran mereka. Tetapi apa yang berlaku, contohnya di Kedah, di kawasan tempat-tempat lain, di kawasan saya sudahlah kawasan luar bandar jauh daripada bandar, alasan mereka perhubungan tidak ada, itu modalnya.

Kalau kita melihat sendiri, bayangkan peladang orang kampung ini usaha mereka kais pagi makan pagi apa yang mereka jual hari ini memberi bekalan mereka pada hari esok, tetapi tiba-tiba pasaran sudah tidak ada langsung, apa lagi yang mereka mahu makan. Akhirnya mereka yang menyokong kerajaan berpusing menyokong kepada pembangkang, kerana mereka melihat tidak ada pembelaan secara langsung. Ini masalah pegawai-pegawai, mereka tidak sedar tugas dan tanggungjawab mereka itu, mereka tidak sedar bahawa sebagai pegawai yang diamanahkan mereka tidak boleh lepas daripada dibuat pertuduhan, kalau pun mereka lepas di dunia ini, di akhirat mereka juga akan dipersoalkan apa yang mereka telah laksanakan.

Apabila pegawai melakukan kesilapan parti kerajaan pula dipersalahkan. Seharusnya agensi-agensi kerajaan harus peka dan sedar bahawa kita sama-sama ada tanggungjawab yang harus kita bereskan sekiranya FAMA kenal pastilah pasaran-pasaran untuk masyarakat-masyarakat dan petani luar bandar ini, agar mereka mendapat pembelaan secara langsung dan sekali gus mereka akan dapat mempertingkatkan ekonomi mereka. Saya percaya kalau masyarakat luar bandar ada kuasa pembelian, ekonomi negara kita akan dapat terus bertahan dan akan dapat terus dipertingkatkan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali akhir, dua kali. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya amat percaya dan amat berkeyakinan sekiranya Kementerian ini ada kesungguhan, sekiranya ada komitmen, sekiranya benar-benar ingin melihat bahawa ekonomi negara ini akan bergantung masa depannya kepada industri pertanian maka perkara ini akan harus diambil tindakan yang lebih menyerlah dan lebih berkesan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau.

12.59 tgh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya telah beberapa hari saya bangun dapat juga diberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan B.19 Kementerian Pertanian dalam Jawatankuasa ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat buku tebal yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, Belanjawan Persekutuan 2002, kita lihat di situ peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertanian berjumlah RM2,640,864,22 dan dilihat dari segi pecahan-pecahan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung pada petang ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Okay.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.33 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.33 ptg.

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Atas Kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah AlHaj.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah AlHaj pada hari ini, Rabu 21 November 2001 bersamaan 5 Ramadan 1422 Hijrah.

Saya bagi pihak majlis Dewan Rakyat mengucapkan takziah kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan kerabat di raja. Saya arahkan upacara ini disimpan di dalam arkib Parlimen dan satu salinannya dihantar kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh baginda dan ditempatkannya bersama-sama dengan orang-orang mukmin.

Sekarang saya menjemput hadirin sekalian bangun. Yang beragama Islam diminta menghadiahkan Al-Fatihah kepada roh Almarhum dan yang bukan beragama Islam diminta bertafakur selama satu minit. Terima kasih.

[Ahli-ahli Dewan membaca surah Al-Fatihah dan bertafakur selama seminit]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat pada esok hari telah diisytiharkan hari cuti am dan kita tidak akan mengadakan mesyuarat pada besok hari.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya!

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Kuasa Tuan Yang di-Pertua, agar persidangan pada petang ini ditangguhkan bagi menghormati kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana kita tidak mahu kalau perbincangan ini diteruskan kalau berlaku pertengkaran dan sebagainya, ini sudah tentu akan sedikit sebanyak mengganggu perasaan dukacita rakyat atas kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, saya mohon di bawah kuasa-kuasa yang ada pada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang pada petang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mencadangkan supaya syor itu dijadikan syor bersama dengan kita di BBC juga. Agar usul Dewan daripada BBC dan juga bersama Ketua Pembangkang. Dewan ditangguhkan, saya menyokong

Tuan Pengerusi: Ya, usul apa itu Yang Berhormat ?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Supaya ditangguhkan Dewan seperti....

Tuan Pengerusi: Ditangguhkan sekarang?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ditangguhkan sesinya. Saya cadangkan ini menghormati kemangkatan ke bawah duli supaya disyorkan satu usul saya bersama dengan Ketua Pembangkang sebagai dibawa bersama.

Tuan Pengerusi: Ya. Kalau begitu, kalau sekiranya barisan Menteri bdeh mengemukakan usul supaya ditangguhkan untuk memperingati.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 26(1)(ff)

Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya Dewan ini ditangguhkan untuk tengah hari ini, kerana menghormati kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan, ya?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kita menangguhkan mesyuarat pada hari ini kerana mengingati kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh yang demikian mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin yang akan datang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 2.41petang.

